

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG
PASIR**

YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

1. Senaraikan projek baharu perumahan dan komersial yang diluluskan di DUN Permatang Pasir sejak tahun 2020 sehingga kini.
 - (a) Sejauh manakah kajian impak pembangunan seperti banjir, trafik dan alam sekitar dijalankan sebelum kelulusan diberikan?
 - (b) Berapa lama tempoh kajian impak untuk projek baharu ini boleh diguna pakai?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Senarai projek baharu bagi pembangunan perumahan dan komersial yang telah mendapat kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir sejak tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Bagi setiap projek pembangunan, pihak MBSP meletakkan syarat pelaksanaan kajian impak pembangunan di peringkat PKM mengikut keperluan dan kesesuaian sesebuah projek pembangunan untuk memastikan semua isu teknikal diambil kira dan langkah mitigasi dilaksanakan sebelum projek diteruskan. Kelulusan PKM hanya akan

diberikan oleh pihak MBSP setelah semua syarat tersebut dipenuhi oleh pihak pemaju/pemohon. Antara kajian utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assessment – TIA*);

- 1) Kajian TIA dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Arah Teknik Jalan (ATJ) 38/2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Pelaksanaan kajian ini adalah diwajibkan bagi projek pembangunan kediaman yang melebihi 200 unit atau pembangunan komersial yang melebihi 45,000 kaki persegi. Bagi pembangunan di bawah had tersebut, pelaksanaan kajian akan dipertimbangkan oleh MBSP bergantung kepada kesesuaian dan impak terhadap sistem trafik setempat; dan
- 2) Kajian tersebut akan disemak oleh MBSP bersama JKR dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi menentukan langkah mitigasi yang bersesuaian seperti pelebaran jalan, pemasangan lampu isyarat serta penyediaan reka bentuk laluan masuk dan keluar yang selamat.

(ii) Kajian Hidraulik/Saliran; dan

- 1) Kajian ini ditetapkan bagi semua pembangunan yang melibatkan kerja tanah dan penyediaan sistem saliran baharu selaras dengan keperluan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA). Kajian berkenaan disemak oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi memastikan reka bentuk sistem saliran, kolam takungan serta langkah

kawalan banjir mematuhi piawaian teknikal yang ditetapkan dan tidak memberi kesan negatif kepada kawasan sekitar.

(iii) Penilaian Kesan Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment – EIA*).

- 1) Kajian ini ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]. Ia diperlukan bagi projek pembangunan yang melibatkan kawasan melebihi 50 hektar, aktiviti penebusan tanah, atau pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar bagi memastikan impak terhadap alam sekitar dapat dikenal pasti dan dikawal dengan sewajarnya.

(b) Tempoh kajian impak untuk projek baharu ini boleh diguna pakai selama dua (2) tahun dari tarikh laporan diluluskan. Kajian perlu dikemas kini sekiranya berlaku perubahan terhadap skop, reka bentuk atau keadaan semasa tapak. MBSP bersama agensi teknikal berhak menghendaki semakan semula bagi memastikan semua langkah mitigasi kekal berkesan sebelum sebarang kelulusan baharu diberikan.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK BAHARU BAGI PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN YANG TELAH MENDAPAT KELULUSAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PKM) DI DUN PERMATANG PASIR BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA OKTOBER 2025

BIL.	NO. RUJUKAN	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PKM
1.	MBSP/70/39-32/18(26A)	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Skim Perumahan Terdiri Daripada:</p> <p>A) 16 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat B) 90 Unit Rumah Teres 2 Tingkat C) 1 Unit Pencawang TNB</p> <p>Di Atas Lot 163, 165, 175 & 10923, Mukim 2, Lorong Pasir Indah 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk Tetuan : Jana Utama Sdn. Bhd. (5.428252, 100.428093)</p>	12 Mei 2022
2.	MBSP/70/39-32/20(23A)	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Sekim Perumahan Yang Mengandungi:</p> <p>Fasa 1 A) 30 Unit Rumah Teres 3 Tingkat B) 1 Unit Pencawang TNB Jenis Padat</p> <p>Fasa 2 A) Tapak Kemajuan Masa Hadapan</p> <p>Di Atas Lot 11080 (Lot Lama 1122), 11081 (Lot Lama 439), Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk Tetuan : Pemaju Kelang Lama Sdn. Bhd. (5.414444, 100.414611)</p>	26 Oktober 2023
3.	MBSP/70/39-32/2B.1(9A)	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Stesen Minyak Petronas Berserta Kedai Serbaneka Satu Tingkat Di Atas Lot 10302 (Lot Lama 2124), Di KM131.8 Lebuhraya Utara-Selatan (Arah Utara), Mukim 2, Sama Gagah, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang</p>	27 Januari 2022

		Untuk Tetuan : Petronas Dagangan Berhad (5.427855, 100.416641)	
4.	MPSP/70/39-32/15 B.1(8A)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina: A) 1 Unit Restoran 'Drive Through' Setingkat B) 1 Unit Surau Setingkat Dan C) 1 Unit Depoh Sampah Setingkat Diatas Sebahagian Lot 1 (Lot Lama PT 157), Di KM 132.6 Lebuhraya Utara- Selatan (Arah Selatan), Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Untuk Tetuan Highway Station PLT (5.422630, 100.414543)	26 Januari 2023
5.	MBSP/70/39-38/1 B.1(144A)	Permohonan Pindaan Pembahagian Sempadan Fasa Bagi Cadangan Pelan Berlulus Bil.(91A)d/m.MBSP/70/39-38/1B.1 Bertarikh 21.10.2021 Yang Mengandungi: Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Pembangunan Skim Perumahan Dan Komersial Di Atas Lot-Lot 432, 443, 448, 451, 453, 454, 455, 457, 458, 509, 564, 565, 1092, 1093, 1094, 1095, 1096,1105 Dan 10138, Persiaran Sunway Wellesley, Mukim 8, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Fasa 1 A) Rumah Bandaran 3 Tingkat (210 Unit)(Hakmilik Strata Berpagar) B) 1 Unit Rumah Kelab 2 Tingkat Yang Mengandungi: (i) Dewan Masyarakat (ii)Pejabat Pengurusan (iii)Pencawang Elektrik TNB (iv)Unit Pelbagai Guna (TADIKA/TASKA/Pusat Jagaan) (v) Gimnasium (vi)Kolam Renang C) Tapak Surau D) 1 Unit Pondok Pengawal E) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah F) Tapak RIBI Fasa 2 A) 1 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 17 Tingkat	OSC Lulus pindaan pembahagian fasa pada 6 Julai 2023, OSC Lulus rayuan pada 22 September 2022, OSC Lulus pada 26 Mei 2022, OSC Lulus rayuan pada 13 Jan 2022, OSC Lulus pada 21 Oktober 2021

		<p>(Hakmilik Strata) Yang Mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tempat Letak Kereta 5 Tingkat, Termasuk Kedai (5 Unit), Unit Pelbagai Guna (TADIKA/TASKA/Pusat Jagaan) Dan Surau (ii) Dewan Masyarakat 1 Tingkat Di Atas Podium Tempat Letak Kereta (iii) Rumah Pangsa Kos Rendah 11 Tingkat (164 Unit) (iv) Pencawang Elektrik TNB <p>B) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah C) Tapak RIBI</p> <p>Fasa 3</p> <p>A) Rumah Bandaran 3 Tingkat (378 Unit)(Hakmilik Strata Berpagar)</p> <p>B) 1 Unit Rumah Kelab 2 Tingkat Yang Mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Dewan Masyarakat (ii) Pejabat Pengurusan (iii) Pencawang Elektrik TNB (iv) Unit Pelbagai Guna (Tadika/Taska/Pusat Jagaan) (v) Gimnasium (vi) Kolam Renang <p>C) Tapak Surau D) 1 Unit Pondok Pengawal E) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah F) Tapak RIBI</p> <p>Fasa 4</p> <p>A) Rumah Bandaran 3 Tingkat (108 Unit)(Hakmilik Strata Berpagar)</p> <p>B) 1 Unit Rumah Kelab 2 Tingkat Yang Mengandungi :</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Dewan Masyarakat (ii) Pejabat Pengurusan (iii) Pencawang Elektrik TNB (iv) Unit Pelbagai Guna (TADIKA/TASKA/Pusat Jagaan) (v) Gimnasium (vi) Kolam Renang (vii) Surau <p>C) 1 Unit Pondok Pengawal D) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah E) Tapak RIBI</p> <p>Fasa 5</p> <p>A) Kedai/Pejabat 3 Tingkat (26 Unit) (Hakmilik Strata)</p>	
--	--	---	--

		<p>Fasa 6 A) Tapak Untuk PPU TNB 2 Tingkat</p> <p>Fasa 7 A) Sebuah Loji Kumbahan</p> <p>Untuk : Tetuan Sunway Bintang Sdn. Bhd. (5.371587, 100.456513)</p>	
6.	MBSP/70/39-38/2(112A)	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Pusat Penjaja (19 Unit Gerai) Di Atas Sebahagian Lot 10160, Mukim 8, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.</p> <p>Permohonan Ini Adalah Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D, KTN)</p> <p>Untuk : Tetuan Sunway Bintang Sdn. Bhd. (5.372153, 100.458786)</p>	20 Oktober 2022
7.	MBSP/70/39-34/19 B.1(12A)	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Membina 2 Unit Kedai 1 Tingkat (Pemilikan Tunggal) Di Atas Lot 3113 Dan Lot 3114, Jalan Tun Hussein Onn, Mukim O4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk Tetuan : Line Clear Express & Logistics Sdn. Bhd. (5.406287, 100.407907)</p>	10 Mei 2023
8.	MBSP/70/39-34/26 B.4(11A)	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Mendirikan 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan 24 Tingkat (Hak Milik Strata) Yang Terdiri Daripada:</p> <p>A) Tempat Letak Kereta Di Aras 1 Hingga 9 B) 3 Unit Kedai Di Aras 1 C) 165 Unit Pangsapuri Perkhidmatan (850kp/unit) Di Aras 10 Hingga 24</p> <p>Di Atas Lot 1213, Mukim 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk Tetuan : Dh Land Sdn. Bhd. (5.405944, 100.415868)</p>	21 Jun 2022
9.	MBSP/70/39-37/29(18A)	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan:</p>	22 Jun 2023

		<p>A) 20 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Di Atas Plot 1 – Plot 20) B) 1 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat (Di Atas Plot 21) C) 4 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Di Atas Plot 22 – Plot 25)</p> <p>Di Atas Lot 8386 (Lot Lama 1028), Mukim 7, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk : Tetuan Marvellous Land Sdn. Bhd. (5.370962, 100.447737)</p>	
10.	MBSP/70/39-51/2 B.1(17A)	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Pembangunan Bercampur Yang Mengandungi:</p> <p>Fasa 1: A) 1 Unit Stesen Minyak 1 Tingkat Yang Mengandungi: (i) Kedai Serbaneka 1 Tingkat (ii) Kedai 2 Tingkat (iii) Restoran Makanan Segera 2 Tingkat (iv) 2 Kiosk 1 Tingkat (v) 1 Unit Pencawang Elektrik (vi) 1 Unit Depo Sampah (vii) 1 Unit Loji Rawatan Kumbahan Kecil</p> <p>Fasa 2 : A) 4 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat</p> <p>Di Atas Lot 699, Mukim 21, Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D, Kanun Tanah Negara)</p> <p>Untuk Tetuan :HRJ Property Sdn. Bhd. (5.419833, 100.465474)</p>	23 Sept 2021
11.	MBSP/70/39-51/3(42A)	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Mendirikan Skim Perumahan Yang Terdiri Daripada:</p> <p>Fasa 1: A) Rumah Mampu Milik (RMM A) Berpagar (Hakmilik Strata) Yang Mengandungi: (i) 3 Blok Rumah Pangsa 5 Tingkat (350 Unit) (ii) 1 Unit Pondok Pengawal 1 Tingkat</p>	OSC Lulus pada 9 Jun 2022

		<p>(iii) 1 Unit Dewan Komuniti 1 Tingkat (iv) 1 Unit Pencawang Elektrik</p> <p>B) Rumah Mampu Milik (RMM C3) Berpagar (Hakmilik Strata) Yang Mengandungi: (i) 242 Unit Rumah Bandar 'Townhouse' 2 Tingkat (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) (ii) 1 Unit Pondok Pengawal 1 Tingkat (iii) 1 Unit Dewan Komuniti 1 Tingkat (iv) 1 Unit Pencawang Padat TNB</p> <p>C) 1 Unit Pusat Penjaja D) 1 Unit Surau E) Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam F) Stesen Pam Kumbahan</p> <p>Fasa 2: A) Rumah Mampu Milik (RMM C3) Berpagar (Hakmilik Strata) Yang Mengandungi: (i) 198 Unit Rumah Bandar 'Townhouse' 2 Tingkat (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) (ii) 1 Unit Pondok Pengawal 1 Tingkat (iii) 1 Unit Dewan Komuniti 1 Tingkat (iv) 1 Unit Pencawang Padat TNB</p> <p>Secara Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula Mengikut Seksyen 204D Kanun Tanah Negara.</p> <p>Di Atas Lot 1056, 1057, 1058 & 1059, Mukim 21, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang.</p> <p>Untuk: Tetuan Spirit of Perai Sdn. Bhd. (5.432505, 100.439740)</p>	
12.	MPSP/70/39-54/10 B.1 (23 A)	<p>Permohonan Pindaan Pembahagian Sempadan Fasa Bagi Pelan Kebenaran Merancang Berlulus No. Rujukan (4A)d/m.MPSP/70/39-54/10 B.1 Yang Mengandungi:</p> <p>Fasa 1: A) 1 Blok Pangsapuri 22 Tingkat (Hakmilik Strata) Yang Terdiri Daripada 5 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta, 8 Unit Kedai/Pejabat, 1 Tingkat Kemudahan Dan 16 Tingkat Kediaman (278 Unit).</p> <p>Fasa 2:</p>	<p>OSC Lulus pindaan fasa pada 25 Mei 2023, OSC Lulus pindaan pada 14 April 2022, OSC Lulus Penyerahan Hak KM pada 7 Oktober 2021, OSC Lulus pada</p>

	<p>A) 7 Unit Kedai/Pejabat 3 Tingkat (Plot 9-15)</p> <p>Fasa 3: A) 10 Unit Kedai/Pejabat 3 Tingkat (Plot 1-8, Plot 16 & 17)</p> <p>Fasa 4: A) 7 Unit Kedai/Pejabat 3 Tingkat (Plot 18-24)</p> <p>Di Atas Lot Baru 10067-10099, Taman Ciku, Seksyen 3, Bandar Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk Tetuan : Crystal Faber Sdn. Bhd. (5.368072, 100.459860)</p>	<p>28 November 2018, pembatalan syarat penyediaan 30% (84 unit) rumah kos rendah di atas lot 1068 & 1006, Taman Tan Sai Gin.</p>
--	---	---

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

2. Nyatakan jumlah tanah bendang yang diluluskan untuk ditambah mendirikan bangunan atau lain-lain sejak tahun 2020 hingga 2024 di Parlimen Permatang Pauh mengikut daerah.
 - (a) Sejauh manakah aktiviti penambakan atau penukaran guna tanah bendang memberi kesan terhadap jumlah hasil padi di Pulau Pinang dan langkah Kerajaan Negeri mengatasinya?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Jumlah tanah bendang yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri untuk pemajuan bagi Permatang Pauh, Daerah Seberang Perai Tengah bagi tahun 2020 hingga 2024 adalah sebanyak **empat (4) permohonan dengan keluasan 28.0366 ekar**. Perincian adalah seperti yang berikut berikut :
 - (i) Lim Mui Ling berkeluasan 1.5267 ekar;
 - (ii) Empire Venture Resources Sdn Bhd berkeluasan 2.5721 ekar;
 - (iii) Sunway Bintang Sdn Bhd berkeluasan 23.0311 ekar; dan
 - (iv) Wakaf Pulau Pinang Join Development Sdn. Bhd. berkeluasan 0.9067 ekar.

- (a) Aktiviti penambakan dan penukaran guna tanah bendang di Negeri Pulau Pinang memberi kesan secara langsung terhadap pengurangan keluasan kawasan penanaman aktif, sekali gus menjejaskan jumlah keseluruhan pengeluaran hasil padi negeri. Pengurangan kawasan sawah berpotensi menurunkan Kadar Sara Diri Beras (SSL) serta menjejaskan daya tahan negeri terhadap isu keterjaminan makanan.

Bagi mengawal kesan tersebut, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pertanian (DOA) serta jabatan/agensi berkaitan seperti Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan beberapa langkah bersepadu bagi memastikan kawasan sawah kekal berdaya guna dan produktif. Langkah-langkah utama yang diambil termasuk:

- (i) **Kawalan dan pemantauan terhadap penukaran guna tanah bendang** oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PDT, khususnya di kawasan yang dikenal pasti sebagai Kawasan Jelapang Padi bagi mengelakkan tanah berpotensi tinggi ditukar kepada penggunaan bukan pertanian;
- (ii) **Pemuliharaan dan pembangunan semula kawasan sawah terbiar**, melalui penyediaan bantuan input pertanian, baik pulih sistem saliran serta pembangunan infrastruktur sokongan dengan kerjasama agensi teknikal seperti JPS dan IADA;
- (iii) **Pelaksanaan Program Pembangunan Tanaman Padi**, termasuk usaha pembendungan dan kawalan rumpai Keladi Agas (*Monochoria vaginalis*) yang menjejaskan hasil tanaman. Pada tahun 2023, sebanyak RM400,000.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program kawalan keladi agas sebagai langkah meningkatkan produktiviti hasil padi negeri;
- (iv) Mewujudkan **Jawatankuasa Pemantauan Menambun Tanah Sawah** di peringkat Jawatankuasa MMK

Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan Negeri Pulau Pinang; dan

- (v) Galakan penggunaan panduan ***Rice Check*** dan **Amalan Pertanian Baik (GAP)** yang disyorkan oleh DOA bagi meningkatkan hasil, mengekalkan kesuburan tanah serta memastikan pengurusan tanaman dijalankan secara efisien dan berdaya saing.

Walaupun aktiviti penambakan dan penukaran guna tanah memberi tekanan terhadap keluasan sawah di negeri ini, usaha bersepadu antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan jabatan/agensi pelaksana teknikal telah membantu mengekalkan kestabilan pengeluaran padi di Negeri Pulau Pinang.

Selaras Pelan Pembangunan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri mensasarkan peningkatan purata hasil kepada tujuh (7) hingga sepuluh (10) tan sehektar menjelang tahun 2030 melalui pelaksanaan program pembangunan infrastruktur pertanian, peningkatan kecekapan pengairan, penggunaan varieti padi berpotensi tinggi serta penerapan teknologi moden dalam pengurusan tanaman. Langkah ini diharap dapat memastikan subsektor padi negeri kekal mampan, produktif dan menyumbang secara berterusan kepada keterjaminan makanan negara.

Selain itu, bagi mengatasi kesan tersebut, **caj terjaminan makanan (Kadar Sumbangan Fiskal Keterjaminan Sumber Makanan Negeri Pulau Pinang 2024)** dikenakan bagi kawasan jelapang padi yang telah ditukar guna untuk pembangunan. Caj tersebut akan menjadi hasil Kerajaan Negeri dan akan digunakan untuk insentif tanaman padi serta membiayai Kajian Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) Peringkat Negeri Pulau Pinang. Pekeliling Setiausaha Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bilangan 1 Tahun 2024 telah memaklumkan kepada semua jabatan dan agensi di peringkat persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PLANMalaysia Negeri bagi menerima pakai Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) sebagai panduan dan rujukan dalam menyelaras penyediaan pelan pembangunan dan perancangan guna tanah bagi kawasan sumber makanan negara

yang terdiri daripada tanaman makanan, aktiviti penternakan dan perikanan.

PLAN Malaysia Negeri Pulau Pinang juga akan melaksanakan Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) Negeri Pulau Pinang pada tahun 2026 bagi merangka Pelan Induk Sumber Makanan Negara untuk negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

3. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf sistem perparitan dan pengaliran di kawasan DUN Permatang Pasir bagi mengatasi masalah banjir kilat?
 - (a) Senaraikan pihak yang akan bertanggungjawab untuk mencuci dan menyelenggara parit-parit kampung di DUN Permatang Pasir.
 - (b) Senaraikan juga tempat dan kekerapan kerja yang dilakukan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) telah melaksanakan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam (DMP) Daerah Seberang Perai Tengah telah siap pada tahun 2016. DMP ini dijadikan sebagai rujukan bagi semua perancangan projek-projek pembangunan baharu atau pembangunan semula yang dilaksanakan oleh agensi/jabatan kerajaan atau pihak swasta bagi memastikan sistem saliran yang direka bentuk adalah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
 - (a) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSP T) bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja mencuci parit kampung yang terlibat dengan kes kecemasan/kejadian bencana dan berpotensi menjejaskan keselamatan penduduk setempat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir. Kerja-kerja ini

dilaksanakan menggunakan peruntukan kecemasan Pegawai Daerah dan P16(02) Peruntukan ADUN/PPK. Walau bagaimanapun, PDTSPT tidak mempunyai peruntukan tetap bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala.

- (b) Penyelenggaraan akan dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan semasa dan ketersediaan peruntukan. Berikut merupakan projek yang telah dilaksanakan oleh PDTSPT bagi tahun 2025:
- (i) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Kepala Bukit Indera Muda;
 - (ii) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Bukit Indera Muda;
 - (iii) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Samagagah;
 - (iv) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan berhampiran Lot 374 Kampung Tanah Liat; dan
 - (v) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Permatang Pasir.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG
PASIR**

YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

4. Nyatakan jumlah pesakit HIV AIDS dan sebab berlaku di Pulau Pinang sejak tahun 2020 hingga kini mengikut pecahan kaum.
- (a) Perincikan jangkitan HIV AIDS disebabkan oleh hubungan seks dan hubungan sesama jantina.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Jumlah keseluruhan kes HIV yang dilaporkan di Pulau Pinang bagi tempoh 2020 hingga 2025 (Oktober) adalah berjumlah 1873 kes dengan 203 kes AIDS dilaporkan bagi tempoh yang sama. Perincian kes mengikut kaum adalah seperti berikut:

Bangsa	Jumlah Kes	Peratusan kes (%)
Melayu	842	44.95
Cina	547	29.2
India	225	12.01
Lain-lain	259	13.84

- (a) Daripada keseluruhan jumlah kes yang dilaporkan bagi tempoh tersebut, 98.29% adalah jangkitan melalui hubungan seksual. Bagi jangkitan secara homoseksual (sesama jantina) menyumbang 44.74%, heteroseksual (berlainan jantina) 43.88% dan biseksual (kedua-dua jantina) 9.66%.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

5. Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada persatuan-persatuan sukan di Pulau Pinang dalam tempoh lima tahun terkini (mengikut tahun dan persatuan)?
- (a) Nyatakan kriteria agihan, jenis perbelanjaan yang dibenarkan dan jumlah penerima.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Peruntukan utama yang disalurkan kepada persatuan-persatuan sukan di negeri ini adalah daripada Jawatankuasa MMK Sukan dan juga Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP). Bagi peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Sukan, mana-mana persatuan sukan adalah layak untuk memohon peruntukan ini dan perinciannya adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2021	350,000.00
2022	350,000.00
2023	500,000.00
2024	165,000.00
2025	350,000.00

Manakala anggaran peruntukan melalui MSNPP pula adalah tertumpu kepada 53 Persatuan Sukan Negeri dengan perincian peruntukan adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2021	3,500,000.00
2022	4,500,000.00
2023	6,000,000.00
2024	5,600,000.00

- (a) Kriteria agihan serta jenis perbelanjaan bagi peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Sukan mestilah berteraskan pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang. Sejak tahun 2021 sehingga Oktober 2025, sebanyak 377 persatuan telah menerima manfaat daripada peruntukan ini.

Bagi peruntukan daripada MSNPP, kriteria utama dan jenis perbelanjaan perlu difokuskan kepada sukan-sukan yang bersasar yang mampu menyumbang pingat emas kepada negeri ini.

Kesemua 53 Persatuan Sukan Negeri menerima manfaat daripada peruntukan ini yang mana perbelanjaan yang dibenarkan adalah elaun makan, pengangkutan, penginapan, yuran penyertaan dan bayaran kecemasan. Manakala untuk penganjuran kejohanan atau program, semua jenis berkenaan dengan penganjuran dipertimbangkan kecuali perolehan perbelanjaan baju-T dan peralatan sukan.

Selain daripada sokongan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang (JBSNPP) telah melaksanakan program Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Geran Padanan Sukan (GPS) bagi menyokong penganjuran acara sukan pelbagai peringkat dari antarabangsa sehingga peringkat komuniti.

Bagi DSK, sejumlah 93 permohonan telah diluluskan setakat Jendela 6 dengan jumlah RM1,198,000.00 yang memanfaatkan acara sukan dengan jumlah 22,858 peserta. Manakala untuk GPS, Negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM1,165,000.00 melalui 17 permohonan bagi menganjurkan acara sukan dalam bentuk geran padanan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

6. Nyatakan jumlah kes anak luar nikah yang direkodkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 2024, mengikut pecahan kaum.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam pencegahan, pemulihan serta pendidikan kekeluargaan remaja?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Berikut merupakan kes anak luar nikah yang diklasifikasikan sebagai anak tidak sah taraf mengikut pecahan kaum bagi tempoh tahun 2020 hingga 2024 yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui agensi pelaksana seperti **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)** telah melaksanakan pelbagai langkah strategik dalam **pencegahan, pemulihan dan pendidikan kekeluargaan remaja**. Langkah-langkah ini bertujuan membentuk sahsiah diri remaja yang positif, meningkatkan kesedaran tentang kesihatan reproduktif, serta menyediakan sokongan sosial bagi membantu mereka membuat keputusan yang bijak dan bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

(i) **Langkah Pencegahan**

Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada **pendidikan awal dan kesedaran** dalam kalangan remaja bagi mengelakkan mereka terlibat dalam gejala sosial dan tingkah laku berisiko. Melalui **program ceramah, bengkel, seminar, kem motivasi, Teen Talk dan Teen Chat**, remaja didedahkan kepada pengetahuan mengenai **kesihatan reproduktif, hubungan sosial yang sihat dan pembentukan jati diri**. Pendekatan ini dijalankan secara berterusan melalui **Pusat Remaja KafeTEEN**, yang berfungsi sebagai pusat mesra remaja bagi golongan berumur 13 hingga 24 tahun.

Di Pulau Pinang, terdapat **dua (2) pusat KafeTEEN yang aktif beroperasi** iaitu di **UTC Komtar, George Town dan Bertam, Kepala Batas**. Kedua-dua pusat ini berperanan mendekati remaja di kawasan bandar dan luar bandar dengan pendekatan yang **santai, interaktif dan berinformasi**, bagi memastikan mesej pendidikan kekeluargaan dapat disampaikan secara berkesan;

(ii) **Langkah Pemulihan**

Bagi remaja yang terlibat dalam masalah sosial, pendekatan **pemulihan berasaskan sokongan psikososial dan bimbingan moral** dilaksanakan melalui LPPKN dan agensi berkaitan. Program ini menumpukan kepada **pemulihan sendiri, peningkatan keyakinan diri, serta pembinaan semula hubungan kekeluargaan**, bagi membantu mereka kembali ke landasan positif; dan

(iii) **Langkah Pendidikan Kekeluargaan**

Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada **pendidikan kekeluargaan berasaskan institusi keluarga**. Ibu bapa digalakkan memainkan

peranan aktif dalam membimbing anak-anak melalui **komunikasi terbuka, pemantauan sosial, dan pendidikan seks berasaskan nilai agama dan moral**. Pendidikan ini penting bagi mengurangi risiko **pembuangan bayi, salah laku seksual dan masalah emosi dalam kalangan remaja**.

Selain itu, program kesedaran turut memberi penekanan kepada **tanggungjawab ibu bapa sebagai rakan dan mentor** kepada anak-anak. Ibu bapa disaran agar **mengenali rakan anak-anak mereka**, memahami kecenderungan tingkah laku serta peka terhadap tanda-tanda tekanan atau perubahan sikap.

LAMPIRAN A

Statistik Kes Pemeliharaan Dan Perlindungan Anak Tidak Sah Taraf Dalam Tempoh 2020 Hingga 2024
Bagi Negeri Pulau Pinang

DAERAH	TAHUN	KAUM					Jumlah			Jantina		Jumlah
		Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah			
SEBERANG PERAJUTARA	2020	4	1	1	0	6	2	4	6			
	2021	7	0	0	0	7	3	4	7			
	2022	9	2	0	0	11	5	6	11			
	2023	14	0	0	0	14	7	7	14			
	2024	14	0	2	0	16	8	8	16			
	Jumlah	48	3	3	0	54	25	29	54			
SEBERANG PERAI TENGAH	2020	3	1	1	1	6	4	2	6			
	2021	6	0	1	2	9	6	3	9			
	2022	9	3	3	3	18	4	14	18			
	2023	10	1	2	5	18	4	14	18			
	2024	11	0	1	2	14	11	3	14			
	Jumlah	39	5	8	13	65	29	36	65			
SEBERANG PERAI SELATAN	2020	0	0	0	0	0	0	0	0			
	2021	0	0	0	0	0	0	0	0			
	2022	0	0	0	0	0	0	0	0			
	2023	0	0	0	0	0	0	0	0			
	2024	0	0	0	0	0	0	0	0			
	Jumlah	0	0	0	0	0	0	0	0			
TIMUR LAUT	2020	10	1	1	1	13	5	8	13			
	2021	0	0	1	0	1	0	1	1			
	2022	0	1	0	1	2	0	2	2			
	2023	1	0	1	0	2	1	1	2			

LAMPIRAN A

DAERAH	TAHUN	KAUM					Jumlah	JANTINA		JUMLAH
		Melayu	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	LELAKI		PEREMPUAN		
BARAT DAYA	2024	10	0	0	1	11	8	3	11	
	Jumlah	21	2	3	3	29	14	15	29	
	2020	0	0	0	0	0	0	0	0	
	2021	0	1	1	0	2	0	2	2	
	2022	5	0	0	2	7	3	4	7	
	2023	4	0	0	1	5	2	3	5	
	2024	3	0	1	0	4	3	1	4	
	Jumlah	12	1	2	3	18	8	10	18	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG
PASIR**

YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

7. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasa dan meningkatkan mutu sukan bola sepak di Pulau Pinang?
- (a) Nyatakan pelan pembangunan bola sepak negeri termasuk program akar umbi, liga tempatan dan akademi belia.
 - (b) Jelaskan peruntukan tahunan, kemudahan latihan serta kerjasama dengan persatuan atau kelab profesional.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) serta pihak-pihak berkaitan sentiasa berusaha bagi meningkatkan mutu sukan bola sepak di negeri ini. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:
- (i) Penyaluran bantuan kewangan bagi pemerkasaan program pembangunan bakat-bakat muda melalui kerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) serta kelab-kelab bola sepak tempatan untuk menganjurkan klinik bola sepak, akademi latihan bola sepak, serta penganjuran pertandingan peringkat akar umbi;
 - (ii) Memberi sokongan serta dana kewangan kepada pasukan yang mewakili negeri Pulau Pinang dalam

kejohanan liga-liga dibawah pengiktirafan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM);

- (iii) Menaik taraf kemudahan infrastruktur sukan seperti menaik taraf stadium bola sepak, padang bola sepak peringkat komuniti serta lain-lain kemudahan sokongan termasuk penyaluran bantuan peralatan latihan dan pertandingan;
 - (iv) Mengerat serta menjalin hubungan kerjasama strategik bersama dengan Badan Bola Sepak Kebangsaan seperti FAM, Malaysia Football League (MFL), Majlis Sukan Negara Malaysia dan Institut Sukan Negara Malaysia; dan
 - (v) Mengembangkan serta memperkasakan program pendidikan dan peluang untuk menaik taraf ilmu latihan kejurulatihan kepada jurulatih bola sepak tempatan.
- (a) Pelan pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan adalah seperti Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) yang dilaksanakan di seluruh negara. Program ini adalah satu inisiatif yang diwujudkan di beberapa institusi dan kawasan latihan bagi melatih kanak-kanak serta belia berumur antara 7 hingga 17 tahun.

Jurulatih sambilan juga diambil bagi melatih pemain-pemain muda ini sekitar tiga kali seminggu. Selain itu, melalui FAP juga, beberapa kejohanan telah dilaksanakan bagi memberi ruang kepada pemain-pemain muda terus menonjolkan bakat mereka seperti liga-liga tempatan dan seumpamanya.

- (b) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah RM100,000.00 kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang untuk penganjuran Kejohanan Liga Bola Sepak Tempatan, manakala MSNPP telah memperuntukan sebanyak RM50,000.00 bagi pembangunan pasukan SUKMA Negeri Pulau Pinang.

Melalui MMK Sukan juga, sejumlah RM350,000.00 telah diperuntukan kepada persatuan sukan termasuk sukan bola sepak bagi terus membantu pembangunan sukan di negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

8. Berapakah jumlah penduduk Pulau Pinang yang memiliki rumah sendiri mengikut kaum?
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan kadar pemilikan rumah meningkat dan seimbang antara kaum?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Menurut statistik dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP), Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) bagi tempoh bermula 1 Januari 2005 sehingga 30 Oktober 2025, jumlah penduduk yang memiliki rumah sendiri mengikut kaum adalah seperti di Jadual 1 **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kadar pemilikan rumah di Negeri Pulau Pinang meningkat dan seimbang antara kaum. Antara inisiatif yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Penawaran berdasarkan pembahagian dan pengagihan kuota selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSN2030) seperti di Jadual 2 **LAMPIRAN A**;
- (ii) Pemantauan penyediaan Rumah MutiaraKu (RMKu) melalui Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan di bawah

Tema A: Meningkatkan Daya Huni Bagi Menambah Baik Kualiti Kehidupan, Visi Penang2030 turut dilaksanakan oleh pihak LPNPP. Inisiatif Strategik A1 merangkumi tiga (3) sasaran utama seperti berikut:

- 1) Sasaran 1: Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM)/RMKu sebanyak 220,000 unit menjelang tahun 2030;
 - 2) Sasaran 2: Pembekalan 22,000 unit sewa beli (*Rent to Own* - RTO); dan
 - 3) Sasaran 3: 3,000 keluarga mendapat faedah daripada kewujudan skim Pembaharuan Semula Bandar (PSB).
- (iii) Penawaran RMKu melalui Skim RTO. Bagi pemohon-pemohon yang tidak melepasi pinjaman perumahan melebihi tiga (3) kali bagi memiliki RMKu secara kaedah jual beli, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menawarkan unit-unit di bawah Skim RTO yang mana pembiayaannya adalah terikat dengan pihak LPNPP selama 15 tahun. Walau bagaimanapun, kesemua penawaran akan dilaksanakan mengikut syarat yang ditetapkan;
- (iv) Pelaksanaan pemurnian data dalam SMP bagi memastikan pemohon-pemohon berdaftar adalah berstatus aktif dan layak untuk ditawarkan unit RMKu. Ia dilaksanakan melalui kaedah baharu pelaksanaan *Outreach Programme* dan Hari Bertemu Pelanggan LPNPP yang akan dilaksanakan setiap sukuan tahun mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang; dan
- (v) Pengenalan kategori RMKu baharu. Pada awalnya, hanya lima (5) kategori RMKu sahaja tersedia di negeri ini merangkumi RMKu A, B, C1, C2 dan C3. Dengan mengambil kira pelbagai faktor, Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah memperkenalkan dua (2) lagi kategori RMKu iaitu RMKu B2 dan D. RMKu B2 diperkenalkan selaras dengan visi Pembangunan Perumahan Inklusif MADANI (PIM) Kerajaan Perpaduan yang diumumkan oleh YAB Perdana

Menteri dan Manifesto Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2023. RMKu B2 berkeluasan sebanyak 750 kaki persegi (kp) dengan harga jualan maksimum sebanyak RM100,000.00 seunit (tanpa kemasan). Kategori RMKu B2 ini diwujudkan bagi mengisi jurang antara kategori RMKu B dengan harga jualan maksimum sebanyak RM72,000.00 seunit dan RMKu C1 dengan harga jualan maksimum sebanyak RM150,000.00 seunit. Kelulusan kategori ini juga akan memanfaatkan kebanyakan golongan belia B40 dan M40 yang baru berkeluarga dan berpendapatan isi rumah antara RM3,500.00 sehingga RM8,000.00 sebulan. Selain itu, kategori RMKu D diperkenalkan melalui Dasar Pemangkin Momentum Sektor Hartanah Dan Pemilikan Rumah Inklusif MADANI (MADANI Home Ownership Campaign) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 14/2025 pada 7 Mei 2025 yang mana pelaksanaannya adalah bagi tempoh satu (1) tahun bermula 1 Jun 2025 sehingga 31 Mei 2026. Harga siling maksimum bagi kategori ini adalah sebanyak RM400,000.00 seunit dengan keluasan minimum sebanyak 950 kp (dengan kemasan). Kategori ini juga tidak dibenarkan dibuka kepada pasaran terbuka serta tidak dibenarkan digunakan sebagai pematuhan.

LAMPIRAN A

JENIS KEDIAMAN	KAUM					JUMLAH
	Melayu	India	Cina	Lain-lain	Tiada Pilihan Bangsa	
Projek Perumahan Rakyat (PPR)	1,358	287	436	22	0	2,103
Rumah Mutiaraku A (RM42,000.00)	12,516	6,179	1,998	61	4	20,758
Rumah Mutiaraku B1 (Maksima RM72,500.00)	4,363	7,809	1,440	81	1	13,694
Rumah Mutiaraku C1 (Maksima RM150,000.00)	35	6	67	2	0	110
Rumah Mutiaraku C2 (Maksima RM200,000.00)	775	1,028	246	15	0	2,064
Rumah Mutiaraku C3 (Maksima RM300,000.00)	2,029	5,745	714	64	1	8,553
Rumah Mutiaraku (Maksima RM400,000.00)	174	1,215	181	21	0	1,591
Rumah Mutiaraku (Maksima RM500,000.00)	4	34	1	0	0	39
JUMLAH	21,254	22,303	5,083	266	6	48,912

Jadual 1 : Statistik Pemilikan Rumah Penduduk Di Negeri Pulau Pinang Daripada 01 Januari 2005 sehingga 30 Oktober 2025

JENIS KEDIAMAN	KAUM		
	Melayu	India	Cina dan Lain-lain
Rumah Kos Rendah (RMKu A – RM42,000.00)	50%	15%	35%
Rumah Kos Sederhana Rendah (RMKu B – RM72,500.00)	40%	10%	50%
Rumah Mampu Milik (RMKu C – RM150,000.00 – RM300,000.00)	40%	10%	50%

Jadual 2 : Pembahagian Dan Pengagihan Kuota Selaras Dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSN2030)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

9. Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi projek pengurusan banjir di DUN Permatang Pasir dalam lima tahun kebelakangan ini?
- (a) Senaraikan projek, lokasi, kos dan status semasa.
 - (b) Terangkan pelan masa depan Kerajaan Negeri dalam mencegah banjir, termasuk projek naik taraf utama dan garis masa pelaksanaan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Untuk lima (5) tahun kebelakangan ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah memperuntukkan sejumlah RM744,439.00 bagi pelaksanaan projek-projek pengurusan banjir di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir. Kerajaan Persekutuan pula telah menyalurkan sejumlah RM489,700.00 bagi tujuan tersebut.
- (a) Senarai projek, lokasi, kos dan status semasa projek-projek tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) JPSPP kini sedang meneliti projek-projek naik taraf sistem saliran utama serta pembinaan kolam takungan tambahan di kawasan-kawasan strategik dalam DUN Permatang Pasir dengan tumpuan kepada peningkatan kapasiti saliran dan mengurangkan risiko limpahan air semasa hujan lebat. Selain itu, JPSPP melalui Kerajaan Negeri akan memohon

peruntukan dari Kerajaan Persekutuan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) bagi pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Perai Fasa 2 yang akan merangkumi kawasan tadahan sungai tersebut yang sebahagiannya adalah berada di dalam DUN Permatang Pasir. Perancangan pelaksanaan projek fizikal akan hanya dapat ditentukan setelah projek diluluskan kelak.

SENARAI PROJEK PENGURUSAN BANJIR DI DUN PERMATANG PASIR (2021-2025)

NO.	NAMA PROJEK DAN LOKASI	KOS PROJEK (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
2021				
1	Kerja mendalam dan membaiki Sungai Samagah (sambungan K9-2-10r) dan kerja-kerja berkaitan	18,295.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
2	Kerja menaik taraf parit K6-1a di Kampung Petani dan kerja-kerja berkaitan	81,150.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
3	Kerja mendalam dan membuang enapan di Sungai Jelutong dan kerja-kerja berkaitan	19,820.00	Kerajaan Persekutuan	Siap dilaksanakan
4	Projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir di Sungai Permatang Rawa	19,930.00	Kerajaan Persekutuan	Siap dilaksanakan
2022				
5	Kerja menyelenggara parit Kampung Kota dan kerja-kerja berkaitan	19,600.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
6	Kerja menyelenggara parit di kawasan Tanjung Putus dan kerja-kerja berkaitan	19,600.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
7	Kerja pemuliharaan sistem saliran di <i>borrowpit</i> Sungai Perai (Pengkalan Tambang) bagi mengurangkan risiko banjir dan kerja-kerja berkaitan	19,950.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan

LAMPIRAN A

8	Kerja mendalam dan memperbaiki parit tanah di Permatang Ara	82,354.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
2023				
9	Kerja pencegahan banjir di <i>borrowpit</i> Sungai Perai (dari Belakang Mee Udang ke alor Sungai Jelutong) dan kerja-kerja berkaitan	164,910.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
10	Kerja pemuliharaan tali air utama Skim Pengairan Sungai Kulim bagi mengurangkan risiko banjir dan kerja-kerja berkaitan	35,820.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
11	Kerja penyelenggaraan <i>online storage</i> dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Perai (dari Jeti Pengkalan Tambang ke Lebuhraya Sungai Dua)	121,850.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
12	Kerja memulihara saliran bagi mengurangkan risiko banjir di Sungai Ban Bandar dan kerja-kerja berkaitan	50,000.00	Kerajaan Persekutuan	Siap dilaksanakan
2024				
13	Kerja membaik pulih saliran Sungai Sintok dan kerja-kerja berkaitan	49,710.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
14	Kerja membaik pulih saliran Sungai Samagah dan kerja-kerja berkaitan	49,640.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
15	Kerja membaik pulih saliran anak Sungai Jelutong dan kerja-kerja berkaitan bagi mengurangkan risiko banjir di Kampung Kota	49,710.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan

LAMPIRAN A

16	Kerja menaik taraf lintasan dan kerja-kerja berkaitan di parit 1/3r, Tanjung Putus (K2B)	31,850.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
2025				
17	Menaik taraf sistem perparitan dan kerja-kerja berkaitan di Kampung Permatang Ara	199,950.00	Kerajaan Persekutuan	Dalam pelaksanaan. Jangka siap Disember 2025.
18	Menaik taraf sistem perparitan dan kerja-kerja berkaitan di Kampung Permatang Rambai	200,000.00	Kerajaan Persekutuan	Dalam pelaksanaan. Jangka siap Disember 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

10. Berapakah kadar hujan tahunan (mm) di DUN Permatang Pasir bagi tahun 2020 hingga 2025?
- (a) Nyatakan nilai hujan bulanan tertinggi dan terendah serta purata tahunan.
 - (b) Jelaskan trend meningkat / menurun dan implikasi terhadap banjir, pertanian dan sistem perparitan.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Jumlah hujan tahunan pada tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti dalam jadual di bawah:

Tahun	Jumlah Hujan Tahunan (mm)
2020	2,160.8
2021	1,786.0
2022	2,073.2
2023	1,969.0
2024	2,149.6
2025	1,904.2


Secara amnya, berdasarkan perbandingan dengan purata hujan tahunan jangka panjang (1991 – 2020), DUN Permatang Pasir menerima jumlah hujan tahunan dalam julat purata sepanjang tempoh dari tahun 2020 hingga 2025. Pengelasan jumlah hujan

purata ialah peningkatan atau pengurangan dalam lingkungan $\pm 20\%$ berbanding jumlah purata hujan jangka panjang.

- (a) Berdasarkan stesen pencerapan meteorologi terdekat, iaitu Prai, dari tahun 2018 hingga 2025, jumlah hujan bulanan tertinggi yang direkodkan ialah 328.2mm, iaitu pada Januari 2018 (tiada hujan bulanan tertinggi ekstrim direkodkan dalam tahun 2020 hingga 2025). Manakala jumlah hujan bulanan terendah yang direkodkan ialah 1.0mm, iaitu pada Januari 2022. Purata hujan tahunan ialah 2,175.9mm (Purata jangka panjang ialah dari tahun 1991 – 2020).
- (b) Secara umumnya, taburan hujan di kawasan utara Semenanjung Malaysia menunjukkan trend meningkat dari tahun 1951 hingga 2023 seperti di **LAMPIRAN A**. Walau bagaimanapun, peningkatan jumlah hujan tidak begitu ketara sekiranya dibandingkan dengan peningkatan suhu dalam tempoh yang sama.

Trend hujan yang meningkat menunjukkan kebarangkalian yang tinggi untuk berlaku hujan lebat dengan lebih kerap yang boleh mengakibatkan banjir di kawasan pertanian, terutamanya di kawasan tanah rendah. Keadaan ini boleh merosakkan infrastruktur penting seperti saluran, terusan dan tanah pertanian yang memerlukan kos pembaikan yang tinggi. Kawasan pertanian di cerun bukit akan mengalami risiko tanah runtuh jika hujan lebat berpanjangan. Kelembapan udara yang tinggi akibat hujan berterusan juga boleh meningkatkan risiko serangan kulat dan penyakit lain pada tanaman, seterusnya mengurangkan kualiti hasil.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) akan sentiasa mengemaskini maklumat cuaca serta menyalurkan ramalan dan amaran awal cuaca dari semasa ke semasa. Maklumat-maklumat ini akan disebarikan melalui laman web rasmi, aplikasi *mobile* myCuaca dan media sosial rasmi MET Malaysia.



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

11. Berapakah jumlah kos keseluruhan yang dibayar untuk membangunkan sistem Penang Smart Qariah yang digunakan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang?
- (a) Nyatakan syarikat pembangun sistem ini serta mod perolehan / tender.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Penang Smart Qariah merupakan aplikasi mudah alih yang dibangunkan bagi kegunaan anak kariah di Negeri Pulau Pinang. Aplikasi ini berfungsi untuk membolehkan ahli kariah mendaftar, mengemas kini maklumat diri, mendapatkan info semasa, berinfak serta berinteraksi dengan pihak masjid secara dalam talian. Aplikasi ini juga dihubungkan secara langsung dengan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP, menjadikannya salah satu komponen utama dalam ekosistem pendigitalan pengurusan masjid dan kariah yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Berkaitannya, kos pembangunan aplikasi Penang Smart Qariah ini adalah termasuk dalam kos keseluruhan pembangunan SPB MAINPP berjumlah RM2,278,800.00 meliputi 216 masjid dan tidak melibatkan peruntukan tambahan yang berasingan.
- (a) Pembangunan aplikasi ini dibangunkan oleh syarikat Myrich Dynasty Network Sdn. Bhd., iaitu syarikat yang sama dalam membangunkan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP. Pembangunan aplikasi ini

dilaksanakan sebagai sebahagian daripada modul
tambahan SPB MAINPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

12. Apakah permainan pickleball dikategorikan sebagai sukan atau hiburan?
- (a) Adakah pembukaan gelanggang pickleball perlu lesen hiburan atau lesen olahraga / lesen awam lain?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Berdasarkan Surat Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023 yang bertajuk "Tambahan Kepada Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 1 Tahun 2023: Senarai Sukan Di Bawah Jadual Pertama Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576)", sukan Pickleball telah disenaraikan sebagai salah satu sukan di bawah Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023, yang merangkumi 103 jenis sukan secara keseluruhan.

Namun, sukan Pickleball berdasarkan Undang-undang Kecil Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dikelaskan sebagai aktiviti hiburan.

- (a) Ya, pembukaan gelanggang Pickleball memerlukan lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Melalui MBPP, sukan ini dikategorikan di bawah lesen hiburan kerana ia melibatkan pertandingan sukan dan juga dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil Tred Perniagaan dan Establishment Makanan 1991 serta Undang-undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000.

Manakala, melalui MBSP, pembukaan gelanggang Pickleball adalah tertakluk kepada keperluan Lesen Hiburan Awam di bawah Enakmen Hiburan Awam Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Jadual Kedua (Peraturan 8), Bahagian I, Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

13. Berapakah jumlah tangkapan melibatkan penagihan dadah di Parlimen Permatang Pauh sejak tahun 2020 hingga kini mengikut pecahan jenis dadah, umur dan kaum?
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam mengurangkan bilangan penagih dan mengatasi masalah penagih baru?
 - (b) Apakah usaha melibatkan ADUN dalam perbincangan dengan AADK?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Jumlah tangkapan kes penyalahgunaan dadah di kawasan Parlimen Permatang Pauh bagi tempoh tahun 2020 hingga kini adalah sebanyak 2,307 kes. Perincian tangkapan mengikut pecahan jenis dadah, kategori umur dan kaum adalah seperti **LAMPIRAN A.**
- (a) Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah melalui program pencegahan dan pemulihan seperti:
 - (i) Program pemulihan dan rawatan yang menggunakan Model i-Pulih yang diperkasa di

setiap daerah yang merangkumi sembilan (9) komponen iaitu rawatan perubatan dan pendidikan kesihatan, pembentukan fizikal dan disiplin, bimbingan dan kaunseling, psikopendidikan, sivik dan tatanegara, latihan kemahiran dan vokasional, agama dan spiritual, sosial dan rekreasi serta integrasi masyarakat;

(ii) Program sokongan keluarga seperti Program Kelompok Sokongan Keluarga Kepulihan, Program *Family on Alert* dan Program Sesi Lawatan Keluarga;

(iii) Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya yang dilaksanakan di sekolah-sekolah dan menyasarkan pelajar berumur antara 13 hingga 18 tahun; dan

(iv) Program Intelek Asuhan Rohani untuk murid sekolah rendah tahap dua iaitu berumur antara 10 hingga 12 tahun yang berisiko. Matlamat program ini adalah untuk membina kesedaran serta daya tahan diri terhadap pengaruh penyalahgunaan dadah.

(b) Pihak AADK Pulau Pinang sentiasa memberi kerjasama dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dadah dan akan sentiasa bekerjasama bersama ADUN bagi menangani isu penagihan dadah.

LAMPIRAN A

PERINCIAN TANGKAPAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI KAWASAN PARLIMEN PERMATANG PAUH DARIPADA 2020 HINGGA KINI MENGIKUT UMUR

UMUR	SEBERANG JAYA (KES)	PERMATANG PASIR (KES)	PENANTI (KES)	JUMLAH KESELURUHAN
19 TAHUN KEBAWAH	40	3	10	53
20 - 39 TAHUN	690	73	106	869
40- 59 TAHUN	364	32	64	460
60 TAHUN KEATAS	24	1	2	27
JUMLAH KESELURUHAN	1,118	109	182	1,409

PERINCIAN TANGKAPAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI KAWASAN PARLIMEN PERMATANG PAUH DARIPADA 2020 HINGGA KINI MENGIKUT KAUM

KAUM/KAWASAN	SEBERANG JAYA	PERMATANG PASIR	PENANTI	JUMLAH
MELAYU	810	107	169	1,086
CINA	115	2	7	124
INDIA	157	0	5	162
LAIN-LAIN	6	0	0	6
BUKAN WARGANEGARA	30	0	1	31
JUMLAH	1,118	109	182	1,409

PERINCIAN TANGKAPAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI KAWASAN PARLIMEN PERMATANG PAUH DARIPADA 2020 HINGGA KINI MENGIKUT JENIS DADAH

JENIS DADAH/KAWASAN	SEBERANG JAYA	PERMATANG PASIR	PENANTI	JUMLAH
METHAMPHETAMINE	544	58	94	696
HEROIN	221	32	64	317
CANNABIS	96	7	5	108
MITRAGYNINE	238	12	19	269
KETAMINE	2	0	0	2
ERIMIN 5	14	0	0	14
PIL YABA/WY	3	0	0	3
JUMLAH	1,118	109	182	1,409

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

14. Apakah tindakan Kerajaan Negeri mengatasi limpahan air di Jalan Penanti setiap kali hujan lebat yang menyebabkan banjir di Taman Penanti, khususnya di Lorong Penanti 7, sehingga menjejaskan harta benda penduduk?
- (a) Nyatakan punca utama berlaku masalah di sini.
 - (b) Jelaskan pelan penyelesaian jangka panjang mengatasi masalah ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Berdasarkan pemantauan yang telah dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP), didapati infrastruktur serta kapasiti longkang di sepanjang jajaran Jalan Penanti masih berfungsi dengan baik. Setakat ini, sistem perparitan sedia ada mampu menyalurkan aliran air dengan berkesan tanpa sebarang isu ketara dilaporkan.
- (a) Semakan oleh JKRPP mendapati bahawa punca utama berlakunya kejadian banjir di Lorong Penanti 7, Taman Penanti adalah seperti berikut:
 - (i) Sistem perparitan sedia ada tidak mencukupi. Saluran longkang dan parit di kawasan Lorong Penanti 7, Taman Penanti berkapasiti kecil dan tidak dapat menampung aliran air hujan yang banyak ketika hujan lebat;

- (ii) Kecerunan tanah yang rendah. Kawasan ini berada di dataran rendah yang menyebabkan aliran air keluar menjadi perlahan dan mudah bertakung terutama apabila hujan berterusan; dan
 - (iii) Kebersihan dan penyelenggaraan longkang. Parit dan longkang mengalami mendapan, tumbuhan liar serta tersumbat akibat sampah atau sedimen yang mengurangkan kecekapan aliran air. Selain itu, JKRPP juga mendapati terdapat laluan haram yang dibina di atas longkang yang menyebabkan kecekapan aliran air telah berkurang.
- (b) Penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di Lorong Penanti 7, Taman Penanti memerlukan:
- (i) Penaiktarafan sistem perparitan Taman Penanti dengan membina dan memperbesarkan longkang konkrit di kawasan tersebut bagi menampung kapasiti aliran air hujan;
 - (ii) Pelaksanaan kerja pendalaman (desilting) dan pembersihan berkala parit dan longkang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan parit dan longkang tidak tersumbat; dan
 - (iii) Pelaksanaan kajian kejuruteraan dan pelan mitigasi banjir menyeluruh oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) merangkumi kajian hidrologi dan topografi bagi merancang sistem saluran baharu secara menyeluruh di kawasan Penanti.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

15. Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap masa depan Pasar Awam Permatang Pauh sama ada membina baharu di lokasi lain atau menaik taraf di tapak sedia ada?
- (a) Nyatakan justifikasi keputusan dibuat.
 - (b) Jelaskan pelan pelaksanaan, penempatan sementara dan tarikh siap projek.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mempunyai cadangan untuk membina pasar awam baharu di lokasi lain iaitu di atas tanah milik Kerajaan Negeri di Lot 1272, 1273, 2051, sebahagian Lot 754 dan sebahagian Lot 2054, Sama Gagah, Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang berkeluasan sebanyak 8,172.2 meter persegi.

Namun demikian, permohonan pemberimilikan tanah bagi tujuan tersebut telah ditolak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 25/2025 pada 04 September 2024 dan disahkan pada 11 September 2024.

Susulan penolakan itu, MBSP telah meneliti semula keperluan projek dan mendapati bahawa pada masa ini tiada tapak baharu yang sesuai untuk pembangunan pasar awam berkenaan dan tiada perancangan menaik taraf pasar sedia ada. Pihak MBSP

akan mempertimbangkan dan mengkaji semula cadangan pembinaan semula pasar awam tersebut sekiranya terdapat tapak yang memenuhi keperluan dan kesesuaian pada masa hadapan.

- (a) Permohonan cadangan tersebut telah ditolak kerana lot-lot tanah tersebut adalah diperuntukkan untuk pembinaan masjid baharu di kawasan Permatang Pauh.
- (b) Sehingga kini, pihak MBSP belum mempunyai sebarang pelan pelaksanaan, penempatan sementara atau tarikh siap projek bagi pembinaan pasar awam baharu kerana ketiadaan tapak kosong yang sesuai di Permatang Pauh atau kawasan berhampiran.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

16. Apakah usaha Kerajaan Negeri menaik taraf atau membina kemudahan sukan seperti padang bola, gelanggang futsal, sepak raga tuju dan dewan serbaguna di DUN Permatang Pasir?
- (a) Nyatakan lokasi, kos dan status projek.
 - (b) Huraikan pelan penyelenggaraan serta program penggunaan komuniti / belia, termasuk jadual tempahan dan indikator kadar guna.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Bagi fasiliti sukan di kawasan DUN Permatang Pasir, Kerajaan Negeri sedia mempertimbangkan projek-projek menaik taraf kemudahan sukan sekiranya terdapat permohonan yang sewajarnya.

Terdapat sebanyak 17 fasiliti sukan di bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSTPT) dan beberapa lagi di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Usaha MBSP untuk menaik taraf atau membina kemudahan sukan seperti padang bola, gelanggang futsal, sepak raga tuju dan dewan serba guna di kawasan DUN Permatang Pasir juga adalah seperti berikut:-

- (a) Mensyaratkan kepada pihak pemaju untuk menyediakan kemudahan awam bagi setiap cadangan pembangunan di

kawasan ini bagi memenuhi keperluan komuniti setempat;
dan

- (b) Memudah cara dalam proses pembangunan kepada agensi-agensi luar yang mempunyai perancangan untuk membina kemudahan awam di kawasan ini.
 - (i) Bagi tahun 2025, tiada sebarang projek menaik taraf fasiliti sukan di DUN Permatang Pasir dan PDTSPT serta MBSP juga masih belum mempunyai perancangan untuk membina dan menaik taraf sukan di kawasan terbabit;
 - (ii) Pentadbiran gelanggang sukan PDTSPT adalah di bawah tanggungjawab Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan penggunaan gelanggang akan diuar-uarkan dari semasa ke semasa. Sementara itu, bagi mana-mana projek baharu di bawah MBSP kelak, pelan penyelenggaraan serta program penggunaan komuniti dan belia, termasuk jadual tempahan dan indikator kadar penggunaan akan ditetapkan apabila terdapat projek baharu tersebut dibangunkan dan mula digunakan oleh masyarakat setempat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

17. Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mencungkil bakat baharu sukan di Pulau Pinang?
- (a) Nyatakan program bakat akar umbi mengikut sukan, umur dan daerah, termasuk pihak yang menguruskannya.
 - (b) Jelaskan peruntukan dan sasaran yang dirancang.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa berusaha dalam mencungkil bakat baharu sukan di negeri ini. Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan program Klinik Pengenalan Sukan bagi menggalakkan pembangunan sukan di peringkat akar umbi untuk merangsang penjanaan bilangan atlet-atlet pelapis negeri;
 - (ii) Melaksanakan program Pengenalan Sukan (Sukan Massa) kepada masyarakat setempat dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri, pertubuhan bukan kerajaan dan kelab-kelab sukan di semua lapisan masyarakat; dan

- (iii) Menjalankan kerjasama bersama pihak berkaitan seperti Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Majlis Sukan Negara dan lain-lain agensi / pihak untuk melaksanakan beberapa program kerjasama seperti Program Bakat Pelapis, Program Pembangunan Olimpik dan sebagainya.
- (a) Program Bakat Akar Umbi yang dilaksanakan buat masa ini adalah di bawah seliaan MSNPP dengan kerjasama beberapa pihak lain. Program ini tidak dilaksanakan mengikut daerah tetapi disasarkan kepada semua golongan muda di negeri ini. Perincian program tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Sasaran utama MSNPP dalam program-program di Lampiran A adalah bertujuan memberi pengenalan serta pendedahan awal kepada masyarakat tentang aktiviti-aktiviti sukan. Kerjasama dengan beberapa pihak berkaitan turut dilaksanakan seperti JPNPP bagi mencungkil bakat pelajar-pelajar dan generasi muda di negeri ini.

Peruntukan yang disediakan oleh MSNPP adalah merangkumi pembiayaan seperti yang berikut:

Jenis Elaun	Jumlah (RM)
Jurulatih	700.00 (per bulan)
Pertandingan	4,000.00
Kem Bakat Negeri	20,000.00
Peralatan Latihan	10,000.00
Sewaan Kawasan Latihan	15,000.00

Melalui MMK Sukan juga, sejumlah peruntukan RM350,000.00 telah disediakan pada tahun 2025 bagi membantu mana-mana persatuan sukan membangunkan lagi sukan di negeri ini.

LAMPIRAN A

PROGRAM SUKAN BAKAT AKAR UMBI NEGERI PULAU PINANG

Jenis Program	Umur	Jenis Sukan
Program Pembangunan Pelapis Negeri	18 hingga 21 tahun	Angkat Berat, Gimnastik Artistik, Gimnastik Gimrama, Judo, Karate, Lawn Bowls, Menembak, Pelayaran, Ping Pong, Tenpin Bowling, Tinju dan Wushu
Program Pembangunan Bakat	13 hingga 17 tahun	Angkat Berat, Gimnastik Artistik, Gimnastik Gimrama, Judo, Karate, Lawn Bowls, Menembak, Pelayaran, Ping Pong, Tenpin Bowling, Tinju dan Wushu
Pembangunan sukan Olimpik	13 hingga 21 tahun	Akuatik Renang, Akuatik Terjun, Badminton, Berbasikal, Memanah, Olahraga, Skuasy dan Taekwondo

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

18. Berapakah jumlah bantuan kebajikan disalurkan kepada golongan miskin dan miskin tegar di DUN Permatang Pasir dari tahun 2023 sehingga kini?
- (a) Pecahkan mengikut jenis bantuan: tunai, bakul makanan, sewa, pendidikan dan kesihatan.
 - (b) Nyatakan inisiatif baharu berserta peruntukan, sasaran penerima dan KPI keberhasilan yang dirancang oleh kerajaan.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Pemberian bantuan kebajikan kepada golongan miskin dan miskin tegar adalah mengikut kesesuaian penerima serta skim bantuan yang dipohon atau ditawarkan.
- (a) Jumlah bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat Daerah dan Tanah bagi DUN Permatang Pasir dari tahun 2023 hingga 31 Oktober 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Bagi data yang menunjukkan kosong bermaksud tiada permohonan Bantuan Bina Baru, Bantuan Naik taraf Rumah dan Bantuan Peralatan yang diluluskan bagi DUN Permatang Pasir disebabkan pemohon tidak layak kerana didapati telah menerima bantuan daripada agensi lain atau tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - (b) Berdasarkan data eKasih bertarikh 1 November 2025, Pulau Pinang telah menunjukkan sifar kemiskinan tegar. Namun

begitu, isu kemiskinan bersifat dinamik dan memerlukan pemantauan berterusan agar isi rumah berpendapatan rendah tidak kembali terjerumus ke dalam kemiskinan akibat faktor seperti kehilangan pekerjaan, penyakit atau bencana.

Bagi memastikan kesejahteraan sosial rakyat terus diperkukuh dan isi rumah berpendapatan rendah kekal berdaya tahan, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan beberapa strategi utama, antaranya:

- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Kesejahteraan Rakyat (FGD) di peringkat daerah bagi menyelaraspelaksanaan dasar, strategi dan program kesejahteraan rakyat serta mengenal pasti isu dan cabaran di peringkat akar umbi;
- (ii) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dengan peningkatan kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) daripada RM260.00 kepada RM322.00 mulai 1 Januari 2025. Bantuan diberikan antara RM100.00 hingga RM1,300.00 sebulan bergantung kepada kelayakan;
- (iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) melalui Projek Khas Ekonomi yang memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Bantuan peralatan disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah bagi membantu peniaga mengembangkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah; dan
- (iv) Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin (PBRRT) di bawah MMK Pembangunan Luar Bandar yang menyediakan kediaman selamat dan selesa kepada golongan berpendapatan rendah. Kos pembinaan rumah baharu diperuntukkan sehingga RM75,000.00 seunit, manakala baik pulih rumah sehingga RM42,000.00 seunit.

SKIM BANTUAN	2023		2024		Sehingga 31 Oktober 2025	
	BIL. PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
	0	0	8	4,358	15	11,050.00
Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES)	25	15,600	26	15,750	25	15,750.00
Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	82	49,200	83	49,800	73	43,800.00
Bantuan Warga Emas (BWE)	112	50,400	114	51,300	115	51,750.00
Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	80	24,000	81	24,300	70	21,000.00
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	37	18,500	38	19,000	31	15,500.00
Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar Dan Pesakit Kronik Tidak Terlantar (BPT)	336	157,700.00	350	164,508.00	329	158,850.00
Jumlah						

Jenis Bantuan	2023		2024		Sehingga 31 Oktober 2025	
	BIL. PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
	4	RM233,050.00	-	-	-	-
Bantuan Bina Baru	-	-	-	-	-	-
Bantuan Naiktaraf Rumah	6	RM15,270.00	1	RM2,590.00	-	-
Bantuan Peralatan	10	RM248,320.00	1	RM2,590.00	0	RM0.00
Jumlah						

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

19. Dalam usaha menarik pelaburan baharu, bagaimana Kerajaan Negeri memastikan golongan belia turut diberi peluang dalam sektor perniagaan dan teknologi?
- (a) Adakah insentif khas ditawarkan kepada syarikat yang menggaji atau bekerjasama dengan usahawan muda tempatan?
 - (b) Adakah Pulau Pinang bercadang mewujudkan hab khas untuk usahawan muda?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Dalam usaha menarik pelaburan baharu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan usaha bagi memastikan golongan belia turut diberi peluang dalam sektor perniagaan dan teknologi sejajar dengan visi Penang2030.

Melalui InvestPenang, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi membantu mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, khususnya kepada golongan belia dalam sektor kemahiran dan teknologi. Antara langkah utama yang diambil ialah:

- (i) Memberi fasilitasi kepada pelabur baharu dalam pelaksanaan projek bagi memastikan pewujudan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dapat dikekalkan secara berterusan. Selain itu, InvestPenang secara konsisten menggalakkan syarikat multinasional (MNC) untuk melokalisasikan rangkaian

bekalan (supply chain localization) serta melaksanakan program *business matching* yang membuka ruang penyertaan kepada syarikat tempatan dan usahawan muda; dan

- (ii) Menjalinkan kerjasama berterusan dengan agensi kerajaan dan pelabur sedia ada bagi mempromosi pelaburan baharu serta memperkukuh pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS). Langkah ini membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan termasuk golongan belia.

Selain itu, Penang CAT Centre di bawah InvestPenang turut berperanan membantu pencari kerja tempatan melalui kempen *My Penang, My Workplace*. Pusat ini menyediakan perkhidmatan *padanan kerja* (job matching), promosi peluang kerjaya serta bekerjasama dengan Penang STEM dalam mempromosikan program *Technical Skills Learning* (TSL) bagi meningkatkan kemahiran belia tempatan.

Dalam memperkukuh penglibatan belia dalam sektor digital dan keusahawanan berasaskan teknologi, Digital Penang melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk program *StartupPenang500* yang memberi tumpuan kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan usahawan muda. Program ini memberi pendedahan kepada inovasi, bimbingan industri serta akses kepada ekosistem digital bagi melahirkan generasi usahawan muda yang berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital negeri.

- (a) Sebagai sebahagian daripada inisiatif *PSD@5KM+*, Ruang Penyelidikan dan Inkubasi Silikon (Silicon Research and Incubation Space) berfungsi sebagai hab sehenti untuk mempercepatkan pertumbuhan syarikat permulaan (start-up) reka bentuk cip dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Inisiatif ini menawarkan pakej insentif bersasar kepada syarikat tempatan termasuk usahawan muda melalui kemudahan ruang pejabat, akses kepada alatan EDA (*Electronic Design Automation*), perkhidmatan *multi-project wafer* (MPW), makmal pasca silikon serta program latihan dan bimbingan industri.

- (b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang belum mempunyai perancangan untuk menubuhkan hab khas bagi usahawan muda. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus memanfaatkan fasiliti dan platform sedia ada seperti Digital Penang dan InvestPenang bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan keusahawanan, bimbingan serta pemerksaan belia dalam sektor teknologi dan perniagaan digital.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

20. Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan keselamatan dan mengurangkan jenayah di kawasan perumahan DUN Permatang Pasir?
- (a) Senaraikan kekerapan jenayah yang sering berlaku di DUN ini dari tahun 2023 sehingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Berikut adalah usaha yang di ambil dalam dalam meningkatkan keselamatan dan mengurangkan jenayah di kawasan perumahan DUN Permatang Pasir :
- (i) Kempen Kesedaran dan Pendidikan Masyarakat.
Lebih banyak kempen kesedaran yang di jalankan oleh PDRM melalui Program AMANITA iaitu dengan menyampaikan maklumat dan risalah di kawasan bangunan perniagaan dan kawasan perumahan.
- Mengadakan ceramah di peringkat sekolah dan komuniti yang di sampaikan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dan Pegawai Perhubungan Masjid yang di lantik di kalangan Pegawai Polis.
- (ii) Tingkatkan Kerjasama dengan Komuniti.
Berkerjasama seperti tingkatkan rondaan dengan kerjasama komuniti setempat seperti rondaan bersama Rukun Tetangga (RT) dan RELA.

- (a) Berikut merupakan jumlah keseluruhan kes dari tahun 2023 sehingga September 2025 Parlimen Permatang Pauh. Tiada kes direkod dibawah DUN Permatang Pasir.

Bil	DUN	JENAYAH	JUMLAH
1	Penanti	Ugutan Jenayah	1
2	Seberang Jaya	Rogol	2
		Curi Kenderaan	3
		Curi Dalam Bangunan	3
		Mendatangkan Cedera	2
		Judi	2
3	Permatang Pasir	Tiada	0

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

21. Nyatakan jumlah penerima bantuan zakat persekolahan dan kemasukan IPT bagi 2020 hingga 2024, mengikut tahun dan DUN.
- (a) Nyatakan kriteria kelayakan, kadar bantuan dan peratus kelulusan berbanding permohonan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Jumlah penerima bantuan zakat persekolahan dan kemasukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi tahun 2020 hingga 2024 mengikut tahun dan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Peratus Kelulusan berbanding permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Kriteria kelayakan dan kadar bantuan bagi Skim Awal Persekolahan, Skim Pakaian Seragam dan Skim Permulaan Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah seperti berikut:
- (a) **Kriteria kelayakan bagi Skim Awal Persekolahan:**
- (i) Bermastautin di Pulau Pinang;
- (ii) Penerima Skim Bantuan Bulanan Zakat MAINPP – kelayakan bermula 1 orang anak bersekolah;

- (iii) Pendapatan RM1,800 dan ke bawah – kelayakan bermula 2 orang anak bersekolah; atau
 - (iv) Pendapatan RM2,500 dan ke bawah – kelayakan bermula 3 orang anak bersekolah; atau
 - (v) Pendapatan RM2,750 dan ke bawah – kelayakan bermula 4 orang anak bersekolah; atau
 - (vi) Pendapatan RM3,000 dan ke bawah – kelayakan bermula 5 orang anak bersekolah dan ke atas.
- (b) Kadar bantuan bagi Skim Awal Persekolah adalah seperti berikut:**
- (i) Sekolah Rendah – RM250.00 seorang pelajar; dan
 - (ii) Sekolah Menengah – RM300.00 seorang pelajar
- (c) Kriteria kelayakan bagi Skim Pakaian Seragam (Pembelian Tanpa Tunai):**
- (i) Bermastautin di Pulau Pinang;
 - (ii) Pelajar dipilih oleh pihak Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah; dan
 - (iii) Pendapatan RM3,000 ke bawah.
- (d) Kadar bantuan bagi Skim Pakaian Seragam (Pembelian Tanpa Tunai) adalah seperti berikut:**
- (i) Setiap pelajar menerima RM100; dan
 - (ii) Penebusan dilakukan oleh ketua keluarga di 24 premis seluruh daerah.

(e) Kriteria kelayakan bagi Skim Permulaan Institut Pengajian Tinggi (IPT):

- (i) Bermastautin di Pulau Pinang;
- (ii) Mendapat surat tawaran permulaan masuk ke IPT peringkat Tingkatan 6 Bawah/Sijil/Matrikulasi, Diploma Kolej Vokasional (KV), Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja; dan
- (iii) Permohonan sekali sahaja bagi setiap kategori.

(f) Kadar Bantuan bagi Skim Permulaan Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah seperti berikut:

- (i) Tingkatan 6 Bawah/Sijil/Matrikulasi – RM800
- (ii) Diploma Kolej Vokasional (KV) – RM900
- (iii) Diploma – RM1,000
- (iv) Ijazah Sarjana Muda – RM1,200

*Tambahan RM200 setiap kategori jika belajar di Sabah/ Sarawak

LAMPIRAN A

BILANGAN PENERIMA DAN JUMLAH PERBELANJAAN SKIM AWAL PERSEKOLAHAN, SKIM PAKAIAN SERAGAM (PEMBELIAN TANPA TUNAI), SKIM PERMULAAN IPT & SKIM DERMASISWA PENGAJIAN 2020 HINGGA 2024

DUN	2020			2021			2022			2023			2024																							
	AWAL SEKOLAH	PERMULAAN IPT	DERMASISWA	AWAL SEKOLAH	PERMULAAN IPT	DERMASISWA	AWAL SEKOLAH	PERMULAAN IPT	DERMASISWA	AWAL SEKOLAH	PAKAIAN SERAGAM	PERMULAAN IPT	DERMASISWA	AWAL SEKOLAH	PAKAIAN SERAGAM	PERMULAAN IPT	DERMASISWA																			
	BL	JUMLAH	BL	JUMLAH	BL	JUMLAH	BL	JUMLAH	BL	JUMLAH	BL	JUMLAH	BL	JUMLAH	BL	JUMLAH	BL	JUMLAH																		
1 PENAGA	399	253,900.00	296	251,650.00	72	386,500.00	7	6,650.00	215	195,400.00	194	755,500.00	363	244,150.00	195	173,800.00	208	759,500.00	226	175,100.00	887	133,650.00	286	230,600.00	259	195,100.00	745	113,429.71	231	239,450.00	333	1,227,000				
2 BERTAM	205	127,700.00	304	262,200.00	88	420,500.00	2	1,300.00	197	184,600.00	153	643,500.00	165	112,850.00	156	142,400.00	163	701,500.00	116	85,950.00	733	109,950.00	282	248,900.00	210	810,500.00	118	92,500.00	837	136,901.95	229	232,400.00	371	1,369,500		
3 PINANG TUNGGAL	437	270,450.00	454	394,500.00	75	458,000.00	7	6,150.00	284	253,100.00	207	920,000.00	388	256,500.00	244	210,700.00	218	914,500.00	235	184,150.00	1157	173,250.00	457	414,100.00	292	1,137,500.00	274	207,750.00	1291	197,158.88	454	461,200.00	367	372,900.00	351	1,321,500
4 PERMATANG BERANGAN	420	254,600.00	314	286,500.00	80	386,500.00	9	5,850.00	223	204,500.00	189	742,500.00	349	230,950.00	244	219,300.00	200	805,500.00	239	179,750.00	696	104,400.00	409	353,600.00	923	1,225,000.00	286	200,800.00	651	106,372.25	367	372,900.00	351	1,260,500		
5 SUNGAI DJIA	314	191,000.00	303	271,000.00	47	260,000.00	6	4,750.00	174	157,400.00	136	519,500.00	270	171,750.00	136	118,000.00	131	502,500.00	189	142,400.00	594	89,100.00	315	284,400.00	200	747,000.00	197	146,000.00	453	76,713.38	216	222,900.00	309	1,089,500		
6 TELOK AYER TAWAR	209	131,050.00	196	171,200.00	17	163,500.00	4	3,550.00	107	97,600.00	93	363,500.00	157	103,050.00	112	100,600.00	94	331,000.00	130	95,650.00	643	96,450.00	190	165,100.00	147	535,000.00	111	82,250.00	497	82,514.84	165	166,300.00	133	484,500		
7 SUNGAI PUYU	55	33,300.00	37	31,600.00	2	7,000.00	1	1,100.00	30	27,300.00	3	10,900.00	41	29,050.00	16	15,400.00	15	50,500.00	32	24,200.00	188	28,200.00	42	39,100.00	23	82,000.00	21	17,350.00	96	14,209.51	27	26,300.00	38	127,000		
8 BAGAN JERAM	137	81,800.00	54	47,100.00	4	27,500.00	0	-	29	26,100.00	26	92,500.00	124	79,500.00	20	25,900.00	18	55,000.00	77	55,600.00	409	61,350.00	38	32,000.00	38	129,000.00	90	65,700.00	299	52,955.80	18	36,900.00	37	123,500		
9 BAGAN DALAM	57	33,900.00	35	32,000.00	4	18,500.00	1	1,150.00	25	20,400.00	7	24,500.00	33	31,900.00	23	20,800.00	10	33,000.00	43	31,500.00	464	69,600.00	34	32,100.00	14	45,000.00	45	33,850.00	278	45,613.65	25	23,700.00	35	85,500		
10 SEBERANG JAYA	509	306,750.00	493	424,500.00	53	334,500.00	8	4,900.00	250	221,100.00	151	667,000.00	381	240,600.00	269	236,200.00	169	670,500.00	278	205,150.00	673	100,950.00	403	349,600.00	220	828,500.00	264	198,050.00	903	146,298.25	328	327,700.00	309	1,096,000		
1 PERMATANG PASIR	341	206,150.00	304	267,900.00	83	391,500.00	7	4,950.00	186	156,600.00	137	598,500.00	272	173,900.00	162	138,500.00	161	616,000.00	207	154,750.00	387	58,050.00	318	279,500.00	230	829,000.00	208	159,000.00	521	85,903.35	234	244,900.00	214	738,000		
2 PENAHIT	368	233,100.00	226	196,300.00	45	190,500.00	5	4,150.00	172	151,900.00	83	314,000.00	307	201,950.00	119	105,300.00	100	367,000.00	156	149,750.00	701	105,150.00	251	226,200.00	148	543,000.00	204	158,400.00	816	140,974.10	224	225,800.00	284	975,500		
3 BERAPIT	14	8,200.00	13	11,600.00	1	3,500.00	0	-	14	11,000.00	10	33,000.00	7	4,600.00	4	3,200.00	4	13,000.00	12	9,000.00	125	18,750.00	17	13,800.00	4	14,000.00	11	6,600.00	159	23,720.00	20	19,500.00	15	47,500		
4 MACHANG BUBOK	463	283,050.00	307	263,800.00	67	344,500.00	7	5,550.00	194	170,500.00	119	521,000.00	341	214,450.00	179	150,100.00	127	481,500.00	254	191,150.00	969	145,350.00	284	263,900.00	182	698,500.00	245	184,200.00	810	141,110.45	206	209,500.00	210	733,500		
5 PADANG LALANG	101	60,550.00	51	41,800.00	9	31,000.00	1	850.00	32	26,800.00	14	53,500.00	66	43,350.00	36	29,800.00	16	55,500.00	59	41,950.00	315	47,250.00	42	36,600.00	27	99,000.00	56	40,650.00	244	37,972.43	58	61,400.00	53	189,000		
6 PERAI	21	12,750.00	47	39,000.00	8	46,500.00	0	-	31	26,300.00	20	99,000.00	26	16,950.00	21	17,000.00	20	80,000.00	17	11,150.00	193	28,950.00	44	41,900.00	31	124,500.00	19	13,250.00	160	29,118.30	27	26,400.00	42	146,500		
7 BUKIT TENGAH	225	138,250.00	150	130,600.00	22	100,500.00	0	-	93	81,400.00	34	136,500.00	182	113,550.00	74	62,100.00	50	179,000.00	115	84,650.00	448	67,200.00	141	119,600.00	88	300,000.00	130	95,650.00	304	48,613.91	125	124,400.00	125	420,000		
8 BUKIT TAMBUN	128	79,450.00	124	100,400.00	25	112,500.00	3	1,950.00	76	65,400.00	50	198,000.00	96	63,700.00	78	68,000.00	54	215,500.00	56	40,700.00	368	55,200.00	134	120,400.00	90	312,500.00	71	53,300.00	398	68,063.82	82	62,700.00	108	366,500		
9 BAWI	190	120,600.00	199	172,300.00	16	96,500.00	2	1,250.00	135	122,400.00	43	181,000.00	160	110,250.00	92	80,900.00	43	159,000.00	109	84,000.00	517	77,550.00	217	187,800.00	76	312,000.00	115	88,900.00	499	143,093.63	206	212,200.00	124	428,500		
10 SUNGAI BAKAP	372	234,350.00	319	271,600.00	44	250,900.00	7	5,550.00	168	146,200.00	95	416,500.00	264	175,750.00	149	127,500.00	97	374,500.00	200	158,500.00	900	135,000.00	313	270,800.00	151	590,000.00	208	160,900.00	896	143,089.25	281	283,900.00	261	890,000		
1 SUNGAI ACHEH	188	115,450.00	129	111,200.00	16	68,500.00	4	3,600.00	94	84,500.00	43	158,000.00	123	77,300.00	67	57,800.00	49	165,500.00	95	70,250.00	493	73,950.00	155	134,700.00	68	233,500.00	113	82,950.00	687	99,989.50	105	105,700.00	172	651,500		
2 TAWONG BUNGA	67	38,050.00	70	58,500.00	9	35,000.00	0	-	39	32,900.00	21	72,000.00	53	32,500.00	32	27,200.00	31	104,000.00	39	27,250.00	418	62,700.00	56	49,800.00	33	111,500.00	34	22,600.00	240	43,835.45	25	25,500.00	44	143,000		
3 AIR PUTIH	52	31,400.00	25	20,500.00	6	19,500.00	0	-	16	13,400.00	9	34,000.00	42	25,500.00	21	18,400.00	9	31,000.00	37	25,350.00	14	2,100.00	45	39,700.00	14	57,500.00	38	27,600.00	0	-	13	14,700.00	14	44,000		
4 KEBUN BUNGA	7	1,350.00	3	2,800.00	0	-	0	-	3	3,200.00	0	-	1	700.00	1	1,000.00	0	-	1	800.00	58	14,700.00	3	2,200.00	0	-	1	850.00	79	16,324.94	7	8,000.00	7	23,500		
5 P ULAU TIDUS	13	8,700.00	6	5,200.00	3	9,500.00	0	-	4	3,000.00	7	23,500.00	11	7,500.00	1	800.00	7	24,500.00	9	7,900.00	442	66,300.00	13	10,300.00	5	16,500.00	7	6,300.00	465	76,998.31	32	32,200.00	12	40,000		
6 PADANG KOYA	11	5,850.00	19	17,000.00	13	35,500.00	0	-	5	5,400.00	10	33,000.00	5	2,400.00	8	6,600.00	14	65,500.00	5	3,550.00	266	39,900.00	9	7,800.00	13	62,000.00	4	1,750.00	256	44,677.95	12	13,900.00	9	64,500		
7 PENGKALAN KOTA	1	450.00	2	1,400.00	0	-	0	-	2	1,600.00	1	2,500.00	2	850.00	3	2,700.00	0	-	2	1,350.00	40	6,000.00	2	2,000.00	2	7,000.00	3	1,900.00	0	-	2	1,700.00	3	10,500		
8 KOMTAR	50	31,200.00	12	10,300.00	1	8,000.00	0	-	20	17,200.00	5	21,000.00	27	19,450.00	20	16,900.00	3	9,500.00	17	14,250.00	185	27,750.00	39	34,000.00	9	17,500.00	20	15,650.00	65	12,835.90	14	13,400.00	16	53,000		
9 DATOK KERAMAT	68	40,550.00	37	50,800.00	28	143,500.00	3	1,850.00	40	34,200.00	42	181,000.00	56	34,450.00	31	26,100.00	42	165,500.00	44	33,750.00	1															

LAMPIRAN B

PERATUS KELULUSAN BERBANDING PERMOHONAN MENGIKUT TAHUN

SKIM	TAHUN	LULUS	GAGAL	JUMLAH PERMOHONAN	%
SKIM PERMULAAN IPT	2021	2,707	325	3,032	89.28
	2022	4,140	559	4,699	88.10
	2023	5,390	995	6,385	84.42
	2024	6,510	1,170	7,680	84.77
SKIM PAKAIAN SERAGAM	2021 SESI PERSEKOLAHAN 2022	10,513	1	10,514	99.99
	2022 SESI PERSEKOLAHAN 2023	13,826	385	14,211	97.29
	2023 SESI PERSEKOLAHAN 2024	12,786	186	12,972	98.57
	2024 SESI PERSEKOLAHAN 2025	21,279	676	21,955	96.92
SKIM AWAL PERSEKOLAHAN	2020	6,810	298	7,108	95.81
	2021	100	15	115	86.96
	2022	5,213	871	6,084	85.68
	2023	3,789	621	4,410	85.92
	2024	3,933	273	4,206	93.51

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

22. Senaraikan jenayah-jenayah yang melibatkan belia di Parlimen Permatang Pauh mengikut DUN dari tahun 2023 sehingga kini.
- (a) Apakah langkah kerajaan dalam memantau dan menangani jenayah-jenayah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. Jenayah-jenayah yang sering berlaku di Parlimen Permatang Pauh mengikut DUN dari tahun 2023 sehingga kini adalah seperti berikut:

Bil	DUN	JENAYAH	JUMLAH
1	Penanti	Ugutan Jenayah	1
2	Seberang Jaya	Rogol	2
		Curi Kenderaan	3
		Curi Dalam Bangunan	3
		Mendatangkan Cedera	2
		Judi	2
3	Permatang Pasir	Tiada	0

- (a) Berikut merupakan langkah kerajaan dalam memantau dan menangani jenayah-jenayah iaitu:
- (i) Pengukuhan Penguatkuasaan dan Rondaan

- 1) Bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam meningkatkan rondaan di kawasan berisiko tinggi termasuk kawasan perumahan, tumpuan pelancong dan zon industri.
- 2) Menambah kehadiran anggota polis komuniti serta memperkukuh peranan Rukun Tetangga (RT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bagi membantu pemantauan setempat.
- 3) Menyediakan peruntukan khas untuk menyokong program keselamatan komuniti seperti pemasangan lampu jalan dan CCTV.

(ii) Penggunaan Teknologi dan Pendigitalan Pemantauan

- 1) Melaksanakan sistem Closed-Circuit Television (CCTV) pintar di bawah inisiatif Smart City Penang bagi mengesan aktiviti mencurigakan di kawasan awam.
- 2) Memperkenalkan pusat kawalan keselamatan bersepadu (Command Centre) untuk memantau CCTV secara masa nyata dan menyelaras tindakan pantas antara PBT, PDRM, dan agensi lain.
- 3) Menggalakkan penggunaan aplikasi mudah alih komuniti untuk rakyat melaporkan kejadian jenayah secara segera kepada pihak berkuasa.

(iii) Pencegahan melalui Pendidikan dan Kesedaran Awam

- 1) Lebih banyak kempen kesedaran yang di jalankan oleh PDRM melalui Program AMANITA iaitu dengan menyampaikan maklumat & risalah di kawasan bangunan perniagaan dan kawasan perumahan.
- 2) Mengadakan kempen keselamatan komuniti di sekolah, institusi pengajian, dan kawasan perumahan bagi mendidik masyarakat tentang langkah pencegahan jenayah.
- 3) Melibatkan MPKK dan NGO tempatan dalam usaha meningkatkan kesedaran sivik dan tanggungjawab sosial terhadap keselamatan kawasan.

(iv) Pemantauan Aktiviti Ekonomi dan Sosial Berisiko

- 1) Menjalankan pemeriksaan berkala ke atas premis hiburan, rumah sewa, dan bengkel besi buruk yang berpotensi menjadi tempat aktiviti jenayah tersembunyi.
- 2) Memantau isu pendatang tanpa izin dan penyalahgunaan lesen perniagaan dengan kerjasama Imigresen dan PBT.

(v) Penglibatan Rakyat dan Pendekatan Kolaboratif

- 1) Mempromosikan konsep "Community Policing", di mana rakyat menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa.
- 2) Mengadakan dialog keselamatan antara kerajaan negeri, agensi keselamatan, dan komuniti setempat bagi mendapatkan maklum balas serta memperbaiki strategi pemantauan jenayah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

23. Berapakah kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan pelajar sekolah ketika melintas di hadapan sekolah-sekolah dalam Parlimen Permatang Pauh bagi tempoh 2020 hingga 2024?
- (a) Nyatakan lokasi kemalangan, bilangan kes dan jenis kecederaan yang dilaporkan.
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam menangani masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan pelajar sekolah ketika melintas di hadapan sekolah-sekolah dalam Parlimen Permatang Pauh bagi tempoh 2020 hingga 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KES
2020	0
2021	1
2022	1
2023	3
2024	1

- (a) Lokasi kemalangan, bilangan kes dan jenis kecederaan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

TAHUN	LOKASI KEMALANGAN	BILANGAN KES	JENIS KECEDEeraan
2020	Tiada	0	Tiada
2021	Jalan Permatang Pauh	1	Cedera Ringan
2022	Jln Tanah Liat Ke Pematang Nibong	1	Cedera Ringan
2023	Jalan Permatang Pauh/Pasir/B.Merah/Indramuda	3	Cedera Ringan
2024	Jalan Permatang Pauh/Pasir/B.Merah/Indramuda	1	Cedera Ringan

- (b) Usaha kerajaan dalam menangani masalah ini ialah meningkatkan kesedaran keselamatan melalui pegawai perhubungan sekolah (PPS) dan kesedaran keselamatan semasa melintas di sekolah- sekolah dengan pelaksanaan Op Didik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

24. Apakah rancangan penambahbaikan perkhidmatan bas dan pengangkutan awam di DUN Permatang Pasir, khususnya bagi kemudahan warga emas dan pelajar?
- (a) Nyatakan kekerapan, laluan dan liputan semasa perkhidmatan bas di kawasan ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Rapid Penang sentiasa komited untuk memperkukuh akses pengangkutan awam melalui pendekatan bersepadu dan kecekapan operasi bagi meningkatkan tahap aksesibiliti dan kemudahan kepada warga emas, pelajar serta komuniti setempat.

Bagi kawasan DUN Permatang Pasir, Rapid Penang akan melaksanakan kajian dan perancangan laluan secara terperinci bagi menilai corak perjalanan serta tahap permintaan sebenar kawasan ini. Berdasarkan data semasa, kadar penggunaan pengangkutan awam di kawasan ini masih rendah, justeru itu hasil kajian akan digunakan sebagai asas bagi menentukan bentuk intervensi yang sesuai sama ada melalui penyusunan semula laluan, kurangkan *stop-point* atau pengembangan perkhidmatan *Rapid on Demand* (ROD) bagi memenuhi keperluan mobiliti setempat dengan lebih berkesan.

Jadual dibawah menunjukkan data perkhidmatan bagi laluan, lokasi, kekerapan dan purata penumpang di kawasan berkaitan:

No	Laluan	Lokasi	Jumlah Bas	Kekerapan	Purata Penumpang Harian
1.	606	Kepala Batas – Bukit Mertajam	1	Setiap 3 jam	69
2.	702	Bukit Mertajam – Penang Sentral	5	Setiap 45 minit	555
3.	707	Taman Pelangi – Bukit Mertajam	1	Setiap 3 jam	94
4.	709	Machang Bubok – Penang Sentral	2	Setiap 2 jam	192
5.	802	Nibong Tebal – Bukit Mertajam	4	Setiap 1 jam	612

Selain perkhidmatan bas konvensional, *Rapid On-Demand* (ROD) turut beroperasi di dalam kawasan ini melalui zon T710B (Sunway-Butterworth) yang menyediakan tempahan perjalanan secara lebih fleksibel.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

25. Apakah usaha kerajaan dalam menambah klinik kesihatan atau menaik taraf kemudahan kesihatan sedia ada di DUN Permatang Pasir?
- (a) Apakah perkembangan terkini yang sedia ada?
 - (b) Berapakah nisbah doctor penduduk dan jururawat penduduk di sini? Bandingkan dengan piawaian WHO.
 - (c) Berapakah tempoh menunggu pesakit ketika ini dan langkah kerajaan dalam mengurangkan masa menunggu?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Pada masa ini, terdapat dua (2) projek pembinaan dan penaiktarafan di kawasan DUN Permatang Pasir iaitu Kompleks Kesihatan Bersepadu Kubang Semang dan projek menaik taraf Klinik Desa Permatang Pasir.
- (a) Bagi projek Kompleks Kesihatan Bersepadu Kubang Semang telah diluluskan di dalam bajet 2026 RMKe-13 dan buat masa ini, JKNPP masih menunggu surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

Manakala, bagi projek penaiktarafan Klinik Desa Permatang Pasir, projek ini sedang dijalankan dan dijangka siap pada awal bulan Disember tahun 2025.

- (b) JKNPP tidak mempunyai data bagi nisbah di antara staf kesihatan dan penduduk Permatang Pasir namun data bagi keseluruhan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Tahun	Pegawai Perubatan	Jururawat	Penduduk Pulau Pinang
2025 (Sehingga Ogos)	1,907	4,346	1,803,300

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan nisbah doktor kepada penduduk sekurang-kurangnya satu (1) doktor untuk setiap 1,000 orang dan satu (1) jururawat bagi setiap 300 orang. Berdasarkan nisbah yang disyorkan oleh WHO, kadar nisbah semasa di antara doktor (fasiliti kesihatan kerajaan) dan penduduk di negeri ini adalah mencapai seperti apa yang ditetapkan namun nisbah di antara jururawat dan penduduk masih tidak mencapai sasaran, iaitu 1:415.

- (c) Tempoh menunggu pesakit di klinik kesihatan adalah 90 minit. Tempoh ini merangkumi masa menunggu dari pesakit mendapat nombor giliran hingga ke bilik konsultasi untuk pemeriksaan.

Antara langkah mengurangkan masa menunggu adalah dengan penggunaan transformasi digital. Sebanyak 10 klinik kesihatan di Pulau Pinang telah dilengkapi dengan Sistem Pengurusan Klinik Berasaskan Awan (CCMS). Sistem ini menggabungkan data pesakit, rawatan, ubatan, dan rujukan dalam satu platform digital untuk mempercepatkan perkhidmatan, mengurangkan masa menunggu, dan melancarkan kerja kakitangan.

Di bawah agenda transformasi digital, Kementerian Kesihatan Malaysia merancang untuk memperluaskan transformasi digital kepada lebih banyak fasiliti kesihatan dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang, termasuk memperbaharui sistem digital dan strategi pendigitalan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

26. Senaraikan program pembangunan sukan dan bakat belia yang dijalankan di DUN Permatang Pasir dari tahun 2023 sehingga kini.
- (a) Bagaimana memohon peruntukan untuk program ini dan berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Sehingga kini, terdapat dua (2) program pembangunan sukan yang dijalankan di kawasan DUN Permatang Pasir seperti Pertandingan Bola Sepak 9 dan Konvoi Belia Permatang Pasir. Bagi program pembangunan belia, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan seperti berikut:
- (i) Singgah Sahur di Permatang Pasir 2024;
 - (ii) Santai Moreh di Permatang Pasir 2025;
 - (iii) *Photo Booth* Belia Permatang Pasir;
 - (iv) Santai Hujung Minggu Wayang;
 - (v) Program *Townhall* Belia Permatang Pasir;
 - (vi) Belia Berkorban;
 - (vii) Gotong Royong Merdeka;
 - (viii) Santai Malam Minggu: Takluk Lahad Datu;
 - (ix) Asas Fotografi: Kursus TVET; dan
 - (x) Kursus Membaiki Peti Ais.

- (a) Bagi terus memajukan pembangunan sukan dan belia di negeri ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan melalui beberapa agensi seperti Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC).

Permohonan sukan dapat dimohon melalui dua (2) cara iaitu melalui Persatuan Sukan Negeri yang mana permohonan ini akan diangkat terus kepada MSNPP atau memohon kepada MMK Sukan secara terus. Peruntukan daripada MSNPP adalah berjumlah di antara **RM50,000.00** hingga **RM150,000.00** berdasarkan sukan dan jenis permohonan persatuan. Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui MMK Sukan juga telah memperuntukkan sejumlah **RM350,000.00** kepada persatuan sukan untuk melaksanakan mana-mana program sukan di negeri ini.

Bagi pembangunan belia pula, melalui Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP), peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penganjuran program adalah **RM10,000.00** setahun bagi setiap kawasan DUN.

Selain itu, MMK Belia juga telah menyediakan sejumlah **RM203,000.00** yang boleh dipohon oleh mana-mana persatuan belia untuk melaksanakan program belia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG
PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

27. Senaraikan projek-projek Rumah Mampu Milik (RMM) di DUN Permatang Pasir yang sedang dan akan dibangunkan.
- (a) Senaraikan bilangan penduduk tempatan yang berjaya memiliki rumah ini.
 - (b) Apakah status perumahan kos rendah di Taman Pasir Indah yang sebelum ini digunakan sebagai asrama pekerja asing?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Senarai projek-projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah Mutiaraku (RMKu) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir yang sedang dalam fasa pembinaan dan dalam perancangan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Sehingga bulan Oktober 2025, seramai 961 orang penduduk dari DUN Permatang Pasir telah berjaya menerima tawaran RMcKu. Perincian penerima adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (b) Status perumahan kos rendah (RMKu A) Taman Pasir Indah yang sebelum ini digunakan sebagai asrama pekerja asing adalah seperti berikut:

(i) Mahkamah Sesyen Jenayah Butterworth telah membuat keputusan pada 25 Ogos 2025 yang mana Orang Kena Syak (OKS) telah mengaku bersalah atas pertuduhan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak:

- 1) OKS 1 = RM62,800.00;
- 2) OKS 2 = RM 31,400.00; dan
- 3) OKS 3 = RM 31,400.00.

Keseluruhan denda adalah sebanyak RM125,600.00.

(ii) Hasil siasatan tapak pada 25 September 2025 mendapati RMKu tersebut telah dikosongkan dan dipulihkan kepada keadaan asalnya.

(iii) Setakat ini, status RMKu tersebut masih kekal sebagai rumah pangsa kos rendah sebagaimana kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM). Unit-unit rumah tersebut hendaklah dijual oleh pemaju kepada senarai pembeli yang perlu diperoleh daripada pihak Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

a. Senarai Projek RMKU A, B dan C Siap dan Terima Sijil Layak Menduduki (OC) / Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Sejak Tahun 2008

Seberang Perai Tengah

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2018	SPT	Pangsapuri Harmoni	Tetuan Sunway Bintang Sdn Bhd	Di Atas Lot 90,95,113,114,115,119,122,133 Dan 138, Seksyen 1, Jalan Muthu Palaniappan,	A	110	Permatang Pasir	Swasta
Jumlah							110		

b. Senarai Projek RMKU A, B dan C Sedang Dibina

Seberang Perai Tengah

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2022	SPT	Aston Minca Residence	Tetuan KH Venture Estate Sdn Bhd	Aston Minca Residence	C	237	Permatang Pasir	Swasta
Jumlah							237		

c. Senarai Kebenaran Merancang Projek RMKU A B dan C Swasta dan Perancangan Kerajaan Negeri & Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Seberang Perai Tengah

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Spirit of Perai Sdn Bhd	Lot 1056,1057,1058,1059 Mukim 21, SPT	A	350	Permatang Pasir	Swasta
2	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Spirit of Perai Sdn Bhd	Lot 1056,1057,1058,1059 Mukim 21, SPT	C	440	Permatang Pasir	Swasta
Jumlah							790		

LAMPIRAN B

KADUN Pohon	RUMAH MUTIARAKU A (RM42,000)		RUMAH MUTIARAKU B1 (MAKSIMA RMT7,500)		RUMAH MUTIARAKU C1 (MAKSIMA RMT150,000)		RUMAH MUTIARAKU C2 (MAKSIMA RM200,000)		RUMAH MUTIARAKU C3 (MAKSIMA RM300,000)	
	MELAYU	CINA	MELAYU	INDIA	MELAYU	CINA	MELAYU	INDIA	MELAYU	CINA
PERMATANG PASIR	265	70	195	38	0	0	19	0	94	75
Jumlah	265	70	135	38	0	0	19	0	94	75
	362		397		0		29		173	
	961									

01/2006 - 10/2025

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XI)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

28. Senaraikan sungai-sungai yang terdapat di DUN Permatang Pasir dan tahap pencemarannya.
- (a) Apakah usaha kerajaan dan berapakah peruntukan disediakan dalam mengatasi masalah pencemaran sungai-sungai ini dan menjaga kelestarian alam sekitar?
 - (b) Apakah ada usaha melebarkan dan mendalamkan sungai Kubang Semang?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Senarai sungai-sungai yang terdapat di DUN Permatang Pasir:
- (i) Sungai Samagagah;
 - (ii) Sungai Tanjung Putus;
 - (iii) Sungai Sintok;
 - (iv) Sungai Tok Alang;
 - (v) Sungai Jelutong;
 - (vi) Sungai Anak Jelutong;
 - (vii) Alor Sungai Jelutong ;
 - (viii) Sungai Perai (Dari Borrowpit Alor Sg Kubu Ke Hiway Plus);
 - (ix) Sungai Ban Bandar; dan
 - (x) Sungai Permatang Rawa (Taman Guru ke Kg Permatang Rawa).

Samakan kepada lokasi stesen pengawasan manual oleh Jabatan Alam Sekitar mendapati terdapat empat (4) stesen berkemungkinan berada dalam kawasan DUN Permatang Pasir seperti berikut :

Sungai	No Stesen	Nilai Indeks Kualiti Air (IKA) 2024	Kategori IKA
Sungai Ara	1PJRU006	75	Sederhana Tercemar
Sungai Rambai	1PJRU007	60	Sederhana Tercemar
Sungai Kubang Semang	1PPRI005	63	Sederhana Tercemar
Sungai Perai	1PPRI004	61	Sederhana Tercemar

Bersih : 81-100
 Sederhana Tercemar : 60-80
 Tercemar : 0-59

(a) Berikut merupakan antara usaha Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang dalam membantu mengatasi masalah pencemaran-pencemaran sungai :

(i) Penguatkuasaan terhadap Industri & Kumbahan

- 1) Menjalankan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi lain;
- 2) Siasatan segera aduan awam berkaitan pencemaran;
- 3) Rondaan secara berkala ke lokasi berisiko dan berpotensi untuk pencemaran; dan
- 4) Pemeriksaan ke atas industri-industri secara berjadual.

(ii) Pengawasan

- 1) Pemantauan kualiti air sungai melalui program *Environmental Quality Management Plan* (EQMP); dan
- 2) Melaporkan data kualiti air sungai kepada pihak berkepentingan melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar.

(iii) Program Pendidikan & Kesedaran

- 1) Kempen kesedaran dan pendidikan bersama pihak berkepentingan.

(iv) Projek Khas

- 1) Membantu JAS Putrajaya menjalankan Kajian Pembangunan *Total Maximum Daily Load* (TMDL) Sungai Perai, Pulau Pinang. Ia merupakan satu projek khas kajian dalam perancangan pengurusan alam sekitar secara lebih holistik.

(v) Kawalan di Peringkat Perancangan

- 1) Mengawal selia projek-projek yang tertakluk Penilaian Impak Alam Sekitar (*EIA*);
 - 2) Ulasan bertulis Penilaian Awal Tapak (*PAT*); dan
 - 3) Pemprosesan notifikasi alat kawalan pencemaran / loji pengolahan efluen.
- (b) Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan seperti membersihkan dan mendalam sungai-sungai tersebut berdasarkan kepada keperluan dan peruntukan pada tahun semasa.